5.4 Pengerusi menjelaskan bahawa kerugian yang dialami oleh KPFB Bersepadu Sdn Bhd kerana kekurangan kemahiran dalam pengurusan. Pada masa hadapan KPFB akan bekerjasama dengan syarikat yang mempunyai kepakaran dalam pengeluaran pallet makanan ternakan dan KPFB Bersepadu Sdn Bhd akan dapat menampung kerugian yang dialami. Pengerusi memaklumkan juga, pada dasarnya Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah yang lalu, YB Dato' Seri Mahadzir Khalid telah bersetuju untuk memberi peruntukkan geran sebanyak **RM10.0juta** bagi meningkatkan kapasiti dan penambahbaikkan kilang.

5.5 Bendahari menjelaskan bahawa pelupusan hutang/projek perlu diambil kira bagi memberikan gambaran yang sebenar kedudukan kewangan KPFB setiap tahun dan juga aset kumpulan wang rizab statutori akan ditingkatkan dari masa ke semasa. Kedudukan sekarang, KPFB dapat menguruskan urusan kewangan dengan baik dan lancar.

5.6 Dato' Ahmed Tauzan Bin Abdul Ghani daripada KPR FELCRA Gugusan Chemomoi Bhd., mencadangkan menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit KPFB dan KPFB BERSEPADU SDN BHD bersama dengan laporan juruaudit dan disokong oleh En. Darwis Anak Lagun daripada KPR Belimbing Berhad. Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

**AGENDA : 6**

**MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA KPFB**

Pengerusi KPFB Dato' Hj. Sabari Bin Misran, menyerahkan tanggungjawab bagi mempengerusikan pemilihan ini kepada En. Jumat Bin Mat Lani, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Anggota Lembaga KPFB bagi pihak mewakili Anggota Lembaga.

6.1 Anggota Lembaga Koperasi yang gugur mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Kali Ke-40 adalah seperti di berikut

| | | | |
|---|---|---|---|
| **6.1.1** | **Dato' Hj. Sabari Bin Misran** | **:** | **Selangor** |
| **6.1.2** | **Hj. Jebat Bin Din** | **:** | **Perak** |
| **6.1.3** | **Dato' Rodzuan Bin Zaaba** | **:** | **Pahang** |
| **6.1.4** | **Hj. Zainudin Bin Kalam** | **:** | **Negeri Sembilan** |
| **6.1.5** | **Hj. Ahmad Bin Suboh** | **:** | **Perlis** |

Kesemua calon telah melalui proses penentusah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi perlantikan anggota lembaga KPFB dibawah subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993

6.2 Terdapat **9** calon yang menawarkan diri untuk bertanding bagi menduduki **5** kerusi Anggota Lembaga KPFB yang dikosongkan.

6.3 Pemilihan Anggota Lembaga bagi negeri Selangor terdapat hanya **1** pencalonan yang dikemukakan dan menang tanpa bertanding adalah seperti berikut :-

i. Dato' Hj. Sabari Bin Misran ( KPR FELCRA Bukit Changgang Bhd )

6.4 Bagi pemilihan ALK negeri Perak terdapat **2** orang calon sahaja yang dikemukakan iaitu :-

i. En. Shamsuddin Bin Yusof ( KPR FELCRA Seberang Perak Bhd )
ii. Tn Hj. Rosli Bin Mat ( KPR FELCRA Changkat Cermin II Perak Bhd )

Setelah undian dijalankan, keputusannya seperti berikut:-

i. En. Shamsuddin Bin Yusof (KPR FELCRA Seberang Perak Bhd ) : 9/44 undi
ii. Tn Hj. Rosli Bin Mat (KPR FELCRA Changkat Cermin II Perak Bhd) : 34/44 undi
iii. Undi rosak : 1/44 undi

Dengan ini diisytiharkan bahawa Tn. Hj. Rosli Bin Mat (KPR FELCRA Changkat Cermin II Perak Bhd) dipilih sebagai Anggota Lembaga Negeri Perak

6.5 Bagi pencalonan Negeri Pahang terdapat hanya **1** pencalonan yang dikemukakan dan menang tanpa bertanding adalah seperti yang berikut :-

i. Dato' Rodzuan Bin Zaaba ( KPR FELCRA Berhala Gantang Bhd )

6.6 Pemilihan Anggota Lembaga bagi Negeri Sembilan pula terdapat **3** pencalonan yang dikemukakan iaitu:-

i. Tn. Hj. Zainudin Bin Kalam (KPR FELCRA Gugusan Bayai Bhd)
ii. En. Norlion Bin Paidi (KPR FELCRA Bersepadu Jempol Bhd)
iii. Tn. Hj. Khairul Anuar Bin Abdul Rahim (KPR FELCRA Gugusan Rantau Bhd)

Setelah undian dijalankan, keputusannya seperti berikut:-

i. Tn. Hj. Zainudin Bin Kalam (KPR FELCRA Gugusan Bayai Bhd) : 10/34 undi
ii. En. Norlion Bin Paidi (KPR FELCRA Bersepadu Jempol Bhd) : 17/34 undi
iii. Tn. Hj. Khairul Anuar Bin Abdul Rahim (KPR FELCRA Gugusan Rantau Bhd) : 7/34 undi

Dengan ini diisytiharkan bahawa En. Norlion Bin Paidi (KPR FELCRA Bersepadu Jempol Bhd) dipilih sebagai Anggota Lembaga Negeri Sembilan.

6.7 Pemilihan Anggota Lembaga bagi Negeri Perlis pula terdapat **2** pencalonan yang dikemukakan iaitu:-

i. Tn. Hj. Ahmad Bin Suboh (KPR FELCRA Lubuk Sireh Perlis Bhd)
ii. En. Wan Abd Rahman Bin Wan Ahmad (KPR FELCRA Lubuk Sireh Perlis Bhd)

Setelah undian dijalankan, keputusannya seperti berikut:-

i. Tn. Hj. Ahmad Bin Suboh (KPR FELCRA Lubuk Sireh Perlis Bhd) : 3/5 undi
ii. En. Wan Abd Rahman Bin Wan Ahmad (KPR FELCRA Lubuk Sireh Perlis Bhd) : 2/5 undi

Dengan ini diisytiharkan bahawa Tn. Hj. Ahmad Bin Suboh (KPR FELCRA Lubuk Sireh Perlis Bhd) dipilih sebagai Anggota Lembaga Negeri Perlis

6.8 Pengerusi mengucapkan tahniah kepada semua Anggota Lembaga yang berjaya menyandang jawatan Anggota Lembaga KPFB 2022 - 2023 dan Pengerusi berharap semua Anggota Lembaga yang tidak berjaya dapat memberikan kerjasama dan sokongan kepada KPR dan KPFB.

6.9 Anggota perwakilan dari KPR FELCRA Sri Wangi Bhd., En Zainal Bin Mukri mencadangkan seramai **5** Anggota Lembaga KPFB yang dipilih, diterima dan disokong serta dipersetujui sebulat suara oleh semua anggota perwakilan.

6.10 Dengan perubahan yang berlaku, maka kedudukan Anggota Lembaga KPFB bagi sesi 2022 - 2023 adalah seperti berikut:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Dato' Hj. Sabari Bin Misran | - | Wakil Selangor |
| 2. | Tn. Hj. Che Sakeri Bin Ibrahim | - | Wakil Kedah |
| 3. | Tn. Hj. Abu Bakar Bin Rose | - | Wakil Perak |
| 4. | YB Dato' Rodzuan Bin Zaaba | - | Wakil Pahang |
| 5. | En. Jumat Bin Mat Lani | - | Wakil Melaka |
| 6. | En. Hassan Bin Sarkon | - | Wakil Johor |

7. Tn. Hj. Ahmad Bin Suboh - Wakil Perlis
8. Tn. Hj. Jamalukhair Bin Mohd Rashid - Wakil Pahang
9. En. Shamsuri Bin Ibrahim - Wakil Kelantan
10. Tn. Hj. Mohamad Salleh Bin Mohamad - Wakil Pulau Pinang
11. Tn. Hj. Jais Bin Samingan - Wakil Johor
12. Tn. Hj. Zakaria Bin Mohamad - Wakil Terengganu
13. Tn. Hj. Gali @ Nawi Bin Hj. Som - Wakil Sarawak
14. Tn. Hj. Rosli Bin Mat - Wakil Perak
15. En. Norlion Bin Paidi - Wakil N. Sembilan

Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan

**AGENDA : 7**

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN BAJET TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2023 – 2024.**

7.1 Cadangan Bajet Tahunan Bagi Tahun Kewangan 2023/2024 telah dibentangkan oleh Tn. Hj. Abu Bakar B. Rose, Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga. Bajet Tahunan sebagaimana di muka surat 142 buku Laporan Tahunan 2022 serta pada buku berwarna oren dan kertas berwarna pink seperti berikut:-

**<u>Bajet 2023-2024</u>**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Anggaran Pendapatan | = | | RM 15,807,202.00 |
| Insentif & Lain-lain Kos | = | (-) | RM 4,478,400.00 |
| Anggaran Perbelanjaan | = | (-) | RM 8,309,042.00 |
| **Keuntungan Sebelum Cukai** | **=** | | **RM 3,019,760.00** |

7.2 En. Wan Muda @ Wan Ngah Bin Wan Mamat wakil dari KPR FELCRA Gugusan Limau Nipis Terengganu Bhd., mencadangkan Bajet Tahunan Bagi Tahun Kewangan 2023/2024 diterima dan telah disokong oleh sebulat suara oleh semua anggota perwakilan.

7.3 Pengerusi memohon persetujuan para perwakilan dengan mengangkat tangan menyatakan persetujuan. Keputusan dipersetujui sebulat suara oleh perwakilan.

**AGENDA : 8**

**MELULUSKAN ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA**

8.1. Tn.Hj. Abu Bakar Bin Rose selaku Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga membentangkan kertas Bil. MA. 40-08/2022 buku berwarna oren dan kertas berwarna hijau berhubung dengan Meluluskan Elaun Kepada Anggota Lembaga Dan Saraan Kepada Anggota Lembaga Bagi Tahun Kewangan 2023 - 2024.

8.2 Keseluruhan elaun kepada anggota Lembaga bagi tahun 2023/2024 adalah seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| Elaun Pemantauan | = | RM 212,400 |
| Tuntutan Perjalanan Anggota Lembaga | = | RM 340,940 |
| Latihan & Seminar | = | RM 36,000 |
| Perlindungan Insurans | = | RM 180,000 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **=** | **RM 769,340** |

8.3 Setelah dibuat penelitian anggota perwakilan sebulat suara bersetuju meluluskan Elaun Kepada Anggota Lembaga Dan Saraan Kepada Anggota Lembaga yang berjumlah **RM 556,940.00** untuk tuntutan perjalanan, penginapan, elaun mesyuarat, kursus dan perlindungan insurans setahun serta elaun pemantauan berjumlah **RM212,400.00** yang menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak **RM769,340 bagi tahun 2023–2024** sebagaimana yang dicadangkan oleh En. Wan Muda @ Wan Ngah Bin Wan Mamat dari KPR FELCRA Gugusan Limau Nipis Terengganu Bhd., dan disokong sebulat suara oleh anggota perwakilan yang hadir.

**AGENDA : 9**

**MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARI DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI**

9.1 Tn.Hj. Abu Bakar Bin Rose selaku Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga membentangkan kertas Bil. MA. 40-09/2022 buku berwarna oren dan kertas berwarna kuning bagi tujuan Meluluskan Pelantikan Satu Panel Yang Terdiri Daripada Tidak Kurang Dari Dua (2) Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun-Akaun Koperasi bagi tahun 2022-2023

9.2 Setelah dibuat penelitian, En. Wan Muda @ Wan Ngah Bin Wan Mamat wakil dari KPR FELCRA Gugusan Limau Nipis Terengganu Bhd., mencadangkan pelantikan Juruaudit Luar diberi mandat kepada anggota Lembaga untuk membuat keputusan dan cadangan ini disokong sebulat suara oleh semua anggota perwakilan.

**AGENDA : 10**

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG BERLEBIHAN KOPERASI**

10.1 Tn. Hj. Abu Bakar Bin Rose selaku Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga membentangkan kertas Bil. MA. 40-10/2022 buku berwarna oren dan kertas berwarna hijau pekat bagi tujuan Menimbang Dan Meluluskan Skop Dan Had Pelaburan Daripada Wang Berlebihan Koperasi bagi tahun 2023-2024.

10.2 Setelah dibuat penelitian, semua anggota perwakilan bersetuju sebulat suara menerima cadangan had perlaburan RM 100 juta bagi tahun 2023 - 2024 sebagaimana cadangan En. Wan Muda @ Wan Ngah Bin Wan Mamat wakil dari KPR FELCRA Gugusan Limau Nipis Terengganu Bhd., dan disokong sebulat suara oleh semua anggota perwakilan.

**AGENDA : 11**

## MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI

11.1 Tn. Hj. Abu Bakar Bin Rose selaku Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga membentangkan kertas Bil. MA. 40-11/2022 buku berwarna oren dan kertas berwarna oren bagi tujuan Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi bagi tahun 2023 – 2024.

11.2 Setelah dibuat penelitian, semua anggota perwakilan bersetuju sebulat suara menerima cadangan agar mengekalkan had pinjaman luar sebanyak RM100 juta dan En. Wan Muda @ Wan Ngah Bin Wan Mamat wakil dari KPR FELCRA Gugusan Limau Nipis Terengganu Bhd., mencadangkan agar diterima oleh semua anggota perwakilan dan disokong sebulat suara oleh semua anggota perwakilan.

**AGENDA : 12**

## MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

12.1 Tn. Hj. Abu Bakar Bin Rose selaku Bendahari KPFB bagi pihak anggota Lembaga bagi tujuan Menimbang dan Meluluskan Pembahagian Keuntungan Koperasi bagi akaun teraudit KPFB berakhir 30 Jun 2022 sebagaimana dalam buku laporan tahunan 2022 di muka surat 55 dan muka surat 65.

| | **2022**<br>**RM** | **2021**<br>**RM** |
|---|---|---|
| **Keuntungan bersih tahun kewangan semasa** | 1,572,950 | 904,593 |
| Tambah: Pelarasan tahun lepas | | |
| | 1,572,950 | 904,593 |
| **Tolak: Pembahagian Berkanun** | | |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori 8% (2021:8%) | (125,837) | (72,367) |
| Kumpulan Wang Amanah:- | | |
| Pendidikan Koperasi 2% (2021:2%) | (31,459) | (18,092) |
| Pembangunan Koperasi 1% (2021:1%) | (15,730) | ( 9,046) |
| | (173,026) | (99,505) |
| **Keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun** | | |
| Tolak: **Pembahagian Dicadangkan** | | |
| Dividen atas Modal Syer Anggota dicadangkan 5% (2021:5%) | (573,753) | (573,753) |
| Honorarium Anggota Lembaga | (150,000) | (150,000) |
| Kumpulan Wang Penebusan Syer 5% (2021:5%) | (78,648) | (45,230) |
| Tabung Persaraan Kakitangan | (78,648) | (45,230) |
| | (518,875) | (9,125) |
| Cukai Pendapatan | 53,773 | |

| | | |
|---|---|---|
| Zakat Perniagaan | (60,280) | (191,452) |
| Pelarasan bukan Operasi | 203,450 | |
| **Baki keuntungan/(kerugian) selepas pembahagian** | **715,818** | **(200,577)** |

12.2 Anggota perwakilan En. Wan Muda @ Wan Ngah Bin Wan Mamat wakil dari KPR FELCRA Gugusan Limau Nipis Terengganu Bhd., mencadangkan agar agenda tersebut diterima oleh semua anggota perwakilan dan disokong sebulat suara oleh semua anggota perwakilan.

## AGENDA : 13

**MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA USUL ATAU URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI YANG TELAH DIBERIKAN**

13.1 Tn. Hj. Che Sakeri Bin Ibrahim selaku Setiausaha ALK KPFB bagi pihak Anggota Lembaga mengemukakan usul Lembaga sebagaimana kertas Bil. MA.40-13/2022 (A) di dalam buku berwarna oren dan kertas berwarna putih.

13.2 Bahawa Mesyuarat Agung KPFB Kali Ke-40 bersetuju untuk menerima jawapan bertulis usul-usul yang dikemukakan. Usul-usul dijawab secara bertulis sebagaimana berikut:-

13.2.1 <u>USUL DARIPADA KPR FELCRA GUGUSAN KG WA DUNGUN BERHAD</u>

i. Mencadangkan Mesyuarat Agung Tahunan diadakan secara zon-zon terpilih contoh Zon Timur, Zon Tengah, Zon Utara. Tiada terhad di Kuala Lumpur sahaja.

ii. Kebenaran mengeluarkan saham koperasi secara terhad sebanyak 15-30% berasaskan saham penuh pada setiap kali pengeluaran sahaja.

**<u>JAWAPAN</u>**

i. ALK KPFB akan mempertimbangkan cadangan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan mengikut zon di luar Kuala Lumpur.

ii. Sebagaimana UUK Seksyen 55 (1) sesebuah anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) Undang-Undang Kecil 53(3) kepada anggota lain dengan syarat borang pemindahan syer hendaklah ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh anggota.

13.2.2 <u>USUL DARIPADA KPR FELCRA BHD BUKIT JETIT MARANG TERENGGANU</u>

i. Kontrak pembelian BTS hendaklah diberi terus kepada KPR yang mempunyai lesen.

**JAWAPAN**

i. Pada dasarnya FELCRA Berhad telah menetapkan semua kontrak pemasaran BTS perlu di hantar ke kilang FELCRA Berhad. Pelaksanaan kerja ini akan disalurkan kepada KPFB dan dijalankan secara usahasama KPFB/KPR. Insentif yang diperolehi oleh KPR tidak terjejas walaupun ianya diuruskan oleh KPFB.

13.2.3 USUL DARIPADA KPR FELCRA GUGUSAN LAKAI NEGERI SEMBILAN BERHAD

i. Mohon agar projek yang diterima KPFB yang berada di dalam kawasan FELCRA yang mempunyai koperasi, diberi insentif kepada koperasi.

**JAWAPAN**

i. Keutamaan KPFB adalah untuk mengagihkan kontrak/projek yang diterima daripada FELCRA Berhad kepada KPR yang mempunyai kemampuan untuk melaksanakan projek dan aktiviti kontrak dan jayanya.

13.2.4 USUL DARIPADA KPR FELCRA GUGUSAN KEPIS BERHAD

i. Kerja-kerja pemberian terus daripada FELCRA hendaklah diberi kepada Koperasi kawasan disebabkan koperasi ada saham dengan KPFB. Wujudnya KPFB disebabkan oleh Koperasi-koperasi FELCRA.

ii. Kerja-kerja yang telah dilaksanakan hendaklah dijelaskan dalam masa kegiatan. Contohnya di kawasan Kepis, Negeri Sembilan. No Kontrak BGNWK 337/13, Tarikh Mula 1/12/2013-30/4/2014 masih ada lagi belum dijelaskan

iii. Ahli Lembaga di setiap negeri mestilah memainkan peranan produktif terhadap Koperasi-Koperasi di setiap negeri tersebut.

**JAWAPAN**

i. Keutamaan KPFB adalah untuk mengagihkan kontrak/projek yang diterima daripada FELCRA Berhad kepada KPR yang mempunyai kemampuan untuk melaksanakan projek dan aktiviti kontrak dengan jayanya.

ii. Kaedah pembayaran kontrak adalah berdasarkan kepada progres siap kerja. Bagi pembayaran wang tahanan ianya akan mengambil masa kerana melibatkan ukur akhir atau tempoh kecacatan. Pihak KPFB masih belum menerima bayaran wang tahanan daripada FELCRA Berhad.

iii. ALK KPFB yang telah dilantik berperanan untuk memantau perjalanan KPR-KPR negeri. KPR yang mempunyai masalah bolehlah mengatur temujanji dan mengadakan perbincangan dengan ALK KPFB negeri bagi mencari jalan penyelesaian.

13.2.5 USUL DARIPADA KPR FELCRA FELCRA GUGUSAN KUALA GEMAS BERHAD

i. Setiap projek yang dilakukan oleh pihak KPFB di kawasan yang mempunyai KPR perlu memberi imbuhan 5% dari kos projek kepada KPR tersebut.

ii. Supaya pihak KPFB mengwujudkan semula sumbangan atau bantu kepada setiap KPR bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan seperti dahulu.

**JAWAPAN**

i. KPFB telah melaksanakan kaedah pembahagian keuntungan daripada projek yang dijalankan di KPR-KPR kaedah 30% daripada keuntungan projek berkenaan.

ii. Kemampuan KPFB pada masa ini adalah terhad. Tumpuan utama adalah untuk menjalankan aktiviti perniagaan bagi menjana pendapatan dan juga pemberian dividen kepada anggota setiap tahun.

13.2.6 USUL DARIPADA KPR FELCRA KUBANG KENYENG KEDAH BERHAD

i. Memberi hak kepada setiap KPR Kawasan Utara Negeri Kedah secara bergilir maksima dua penggal atau enam tahun untuk menduduki Lembaga KPFB.

**JAWAPAN**

i. Peruntukan UUK 35(1) satu pertiga daripada Anggota Lembaga menurut fasal (1) UUK 33, hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap Mesyuarat Agung. Dalam amalan demokrasi anggota yang gugur boleh bertanding dan dilantik semula dalam Mesyuarat Agung KPFB.

13.2.7 USUL DARIPADA KPR FELCRA AIR KUNING TAPAH BERHAD

i. Mencadangkan KPFB mewujudkan Tabung Pinjaman Modal Tunai kepada ahli (KPR) untuk membantu melancarkan pembangunan aktiviti-aktiviti ekonomi.

**JAWAPAN**

i. Pada peringkat ini, KPFB sedang dan dalam perancangan melaksanakan projek-projek yang berimpak tinggi yang akan menjana keuntungan yang tinggi. Daripada sebahagian keuntungan projek akan diwujudkan Tabung Modal Pinjaman kepada ahli. Jika KPR mempunyai projek dan akvitivi yang mempunyai daya maju, KPR juga boleh memajukan kepada pihak SKM dibawah Tabung Modal Pusingan (TMP) yang mana kadar margin yang dikenakan amatlah berpatutan.

13.2.8 USUL DARIPADA KPR FELCRA SRI MERSING BERHAD

i. Pembahagian dividen dalam saham KPFB hendaklah dikreditkan ke akaun modal syer dan tidak dimasukkan sebagai pendapatan dalam untung rugi koperasi. Dengan ini, terdapat peningkatan dalam pelabuhan saham KPFB – tercatit pada syarat 65 (2) UUK Koperasi, syarat 55 keuntungan modal Akta Koperasi 1993 (akta 502).

ii. KPFB terlibat dalam membantu koperasi-koperasi dalam pembinaan bengkel sementara dalam kawasan FELCRA untuk kemudahan koperasi mendapatkan khidmat pembaikan kenderaan (lori) koperasi dengan kos pembaikan dan pemulihan lori yang terkawal

iii. Membangunkan tanah-tanah FELCRA yang tidak mempunyai pemilik bersama-sama dengan koperasi FELCRA yang berdekatan dengan hakmilik tanah tersebut

iv. Tempoh untuk kuota lembaga pengarah FELCRA wilayah selatan hanya untuk tempoh 3 tahun sahaja

v. Pihak KPFB terlibat dalam membantu KPR wilayah selatan dalam rundingan harga kontrak penyelenggaraan ladang ladang dibawah pengurusan KPR yang berkaitan.

**JAWAPAN**

i. Apabila pembahagian dividen diluluskan dalam Mesyuarat Agung KPFB, KPFB akan membuat pembayaran dividen kepada KPR yang layak. Jika sekiranya KPR ingin menambah saham perlulah dikeluarkan cek pembayaran kepada KPFB untuk tambahan saham daripada KPR.

ii. Pengurusan KPR bersama ALK Johor dan Pengurusan KPFB Wilayah boleh mengemukakan kertas cadangan kepada ALK KPFB untuk diperhalusi dan dipertimbangkan.

iii. Pengurusan KPR bersama ALK Johor dan Pengurusan KPFB Wilayah boleh mengemukakan kertas cadangan kepada ALK KPFB untuk diperhalusi dan dipertimbangkan.

iv. Peruntukan UUK 35(1) satu pertiga daripada Anggota Lembaga menurut fasal (1) UUK 33, hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap Mesyuarat Agung. Dalam amalan demokrasi anggota yang gugur boleh bertanding dan dilantik semula dalam Mesyuarat Agung KPFB.

v. Pihak KPR boleh mengadakan perbincangan dengan wakil ALK Negeri dan Pengurusan KPFB Wilayah merundingkan kontrak-kontrak penyelenggaraan ladang ladang KPR.

## AGENDA : 14

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI**

14.1 Tn. Hj. Che Sakeri Bin Ibrahim selaku Setiausaha KPFB bagi pihak Anggota Lembaga membentangkan kertas Bil.MA 40-14/2022 buku berwarna oren dan kertas berwarna biru muda bagi tujuan Menimbang Dan Meluluskan Apa-Apa Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil Koperasi.

14.2 Anggota perwakilan En. Zahari Bin Zainuddin wakil dari KPR FELCRA Gugusan Kg. Jemuru Bhd., mencadangkan agar Agenda 14 iaitu Menimbang Dan Meluluskan Apa-Apa Cadangan Pindaan Kepada Undang-Undang Kecil Koperasi diluluskan dan disokong oleh wakil dari Tn. Hj. Mohd. Zamhuri Bin Abidin wakil dari KPR FELCRA Kawasan. Kg. Kandang Perak Bhd., serta dipersetujui sebulat suara oleh semua anggota perwakilan.

| UNDANG-UNDANG KECIL ASAL | UNDANG-UNDANG KECIL PINDAAN |
| --- | --- |
| i. Menjalankan aktiviti berikut | i. Menjalankan aktiviti berikut |
| ii. Menjadi agen insurans | ii. Menjadi agen insurans dan alat perhubungan dan telekomunikasi |
| iii. Mendapatkan kontrak-kontrak pertanian, baja, racun dan peralatan untuk pertanian, kerja-kerja teknikal, penyelenggaraan dan pembersihan | iii. Mendapatkan kontrak-kontrak pertanian, baja, racun dan peralatan untuk pertanian, kerja-kerja teknikal, penyelenggaraan, pembersihan dan pengangkutan |

| | |
|---|---|
| iv. Membeli tanah atau menerima tanah kurnia untuk dijadikan ladang kelapa sawit, getah atau lain-lain perusahaan pertanian | iv. Membeli tanah atau menerima tanah kurnia untuk dijadikan ladang kelapa sawit, getah atau lain-lain perusahaan pertanian<br>(tiada pindaan) |
| v. Memproses hasil keluaran anggota dan memasarkannya | v. Memproses dan memasarkan hasil keluaran anggota dan produk-produk koperasi |
| vi. Menjalankan aktiviti-aktiviti skim pajak gadai Islam | vi. Menjalankan aktiviti skim pajak gadai Islam<br>(tiada pindaan) |
| vii. Membekal barang-baranag pengguna yang berkaitan pertanian, membeli dan memasarkan hasil-hasil pertanian | vii. Membekal barang-barang pengguna dan barang-barang pengguna yang berkaitan pertanian, membeli dan memasarkan hasil-hasil pertanian |
| viii. Membekal tenaga kerja asing bagi sektor pertanian, pembinaan dan perkhidmatan | viii. Membekal tenaga kerja asing bagi sektor pertanian, pembinan dan perkhidmatan<br>(tiada pindaan) |
| ix. Memiliki dan memajukan tanah, mendirikan bangunan sebagai pemaju perumahan untuk rumah-rumah kediaman, bangunan kedai, bangunan pejabat dan sebagainya untuk anggota khasnya dan awam amnya atau membeli bangunan untuk rumah-rumah kediaman, bangunan, kedai pejabat termasuk tapak bangunan tersebut serta menjual, memajak, mencagar, memindahkan tanah dan bangunan-bangunan kepada anggota khasnya dan pihak awam amnya dan | ix. Memiliki dan memajukan tanah, mendirikan bangunan sebagai pemaju perumahan untuk rumah-rumah kediaman, bangunan kedai, bangunan pejabat dan sebagainya untuk anggota khasnya dan awam amnya atau membeli bangunan untuk rumah-rumah kediaman bangunan kedai pejabat termasuk tapak bangunan tersebut serta menjual, memajak bangunan tersebut serta menjual, menjual memajak, mencagar, memindahkan tanah kepada anggota khasnya dan pihak awamnya dan<br>(tiada pindaan) |
| x. Membina dan menjalankan operasi stesen minyak dan pengedaran gas memasak | x. Membina dan menjalankan operasi stesen minyak dan pengedaran gas memasak<br>(tiada pindaan) |
| xi. **TIADA** | xi. Membekalkan perkhidmatan pelancongan, homestay, roomstay dan asrama |
| xii. **TIADA** | xii. Membekalkan peralatan-peralatan pembinaan hardware |
| xiii. **TIADA** | xiii. Membeli dan memasarkan kayu getah, buah kelapa sawit dan sekerap |

| | | | |
|---|---|---|---|
| xiv. | **TIADA** | xiv. | Mendapatkan perolehan dan pembekalan daripada pihak kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan. |
| xv. | **TIADA** | xv. | Menjalankan aktiviti penternakan dan pengeluaran produk makanan ternakan dan ubat haiwan |
| xvi. | **TIADA** | xvi. | Menjalankan aktiviti perindustrian, kejuruteraan dan perlombongan |
| xvii. | **TIADA** | xvii. | Menjalankan perniagaan import dan eksport |
| xviii. | **TIADA** | xviii. | Menjalankan operasi pelabuhan, perkapalan pengangkutan dan perkhidmatan pergudangan |
| xix. | **TIADA** | xix. | Membekal peralatan sukan alat muzik, cenderamata dan hadiah |
| xx. | **TIADA** | xx. | Membekal makanan, minuman dan bahan mentah kering dan basah |
| xxi. | **TIADA** | xxi. | Menjalankan aktiviti berkaitan perkhidmatan termasuk percetakan, pengiklanan dan restoran |
| xxii. | **TIADA** | xxii. | Membekal peralatan hospital, perubatan, ubat-ubat dan farmaseutikal/peralatan hospital, bahan dan kelengkapan perubatan/ peralatan dan kelengkapan hospital |
| xxiii. | **TIADA** | xxiii. | Membekalkan kimia, bahan kimia dan peralatan makmal, peralatan makmal serta aksesori |
| xxiv. | **TIADA** | xxiv. | Membekal bahan binaan dan peralatan keselamatan jalan raya |
| xxv. | **TIADA** | xxv. | Perkhidmatan/kesenian, hiburan dan pelancongan dan pengurusan acara |

| | | | |
|---|---|---|---|
| xxvi. | **TIADA** | xxvi. | Perkhidmatan dan penyelenggaraan/ permbaikan alat hawa dingin permbersihan bangunan dan pejabat |
| xxvii. | **TIADA** | xxvii. | Perkhidmatan penyewaan dan dan pembekal pakaian dan aksesori |
| xxviii. | **TIADA** | xxviii. | Perkhidmatan perladangan, perikanan, haiwan dan hidupan liar |
| xxix. | **TIADA** | xxix. | Perkhidmatan guna tenaga kerja dan tenaga buruh |
| xxx. | Menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota | xxx. | Menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota<br>(tiada pindaan) |
| xxxi. | Membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan tak alih | xxxi. | Membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan tak alih<br>(tiada pindaan) |
| xxxii. | Menyertai usaha sama dan menjadi anggota kepada koperasi lain. | xxxii. | Menyertai usaha sama dan menjadi anggota kepada koperasi lain<br>(tiada pindaan) |

## AGENDA : 15

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN KEPADA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

15.1 Tn. Hj. Abu Bakar Bin Rose selaku Bendahari KPFB bagi pihak Anggota Lembaga membentangkan kertas Bil.MA 40-15/2022 buku berwarna oren dan kertas berwarna ungu bagi tujuan Menimbang dan Meluluskan Apa-Apa Perbelanjaan Kepada Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2023 - 2024 sebanyak **RM59,250.00** diperuntukkan setiap tahun.

15.2 Pn. Ramlah Binti Sahib dari KPR Tanah Redang Punggur Hilir Bhd., mencadangkan tambahan elaun sebanyak **RM100.00** diberikan kepada Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2023 – 2024.

15.3 Bendahari menjelaskan bahawa kerja-kerja pengauditan akaun dibuat tiga kali setahun dan tuntutan bayaran elaun adalah tuntutan perjalanan, elaun ganti dan juga elaun makan.

15.4 Pengerusi memaklumkan bahawa ianya merupakan satu cadangan yang baik. Perkara ini akan dibawa ke mesyuarat Lembaga untuk dipertimbangkan.

15.5 Anggota perwakilan dari En. Mohamad Razali Bin Y'cob wakil dari KPR FELCRA Nasaruddin Belia Tunas Baru Seri Iskandar Bhd., mencadangkan agar Agenda 14 Menimbang Dan Meluluskan Apa-Apa Perbelanjaan Kepada Jawatankuasa Audit Dalaman diluluskan dan dipersetujui sebulat suara oleh semua anggota perwakilan.

## UCAPAN PENANGGUHAN

15.1 Pengerusi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua perwakilan yang telah memberikan kerjasama semasa beliau mengendalikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali ke-40. Beliau mengharapkan para perwakilan dapat menghadiri mesyuarat agung pada tahun hadapan 2023.

15.2 Dato' Hj. Sabari Bin Misran selaku Pengerusi KPFB menangguhkan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KPFB Kali Ke-40 pada pukul 10.55 pagi.

**PENCATAT MINIT**

---------------------------------------------------

**(NOOR SYAZALINA BINTI ABD RANI)**
Ketua Urusetia

---------------------------------------

**(ES NUR EIDA BINTI KARDI)**
Urusetia

-------------------------------------

**(FAZILAH BINTI SAMSUDIN)**
Urusetia

Minit AGM-40

**JAWATANKUASA PENENTUSAHKAN MINIT**
**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-40**
**TARIKH : 11 JANUARI 2023 MASA 9.30 PAGI**

| BIL. | NAMA | TANDATANGAN |
|---|---|---|
| 1 | Dato' Hj. Sabari Bin Misran<br>***(Pengerusi)*** | |
| 2 | Tn Hj. Che Sakeri Bin Ibrahim<br>***(Setiausaha)*** | |
| 3 | Tn Hj. Jamalukhair Bin Mohd Rashid<br>***(Bendahari)*** | |
| 4 | Tn Hj. Abu Bakar Bin Rose<br>***(Anggota Lembaga)*** | |
| 5 | En. Zainon Bin Hashim<br>***(PERWAKILAN ANGGOTA KPR FELCRA Bukit Tampoi Kedah Bhd)*** | |
| 6 | En. Mior Shahrin Bin Mior Mohamad Yusop<br>***(PERWAKILAN ANGGOTA KPR FELCRA Telok Kepayang Perak Bhd)*** | |
| 7 | En. Jamaludin Bin Mansor<br>***(PERWAKILAN ANGGOTA KPR FELCRA Kawasan Sg. Temau Lipis Bhd)*** | |
| 8 | En. Mohd Alias Bin Surif<br>***(PERWAKILAN ANGGOTA KPR FELCRA Kawasan Pogoh Segamat Bhd)*** | |
| 9 | Tn Hj. Mad Rosip Bin Awang Hamat<br>***(PERWAKILAN ANGGOTA KPR FELCRA Gugusan Bukit Tandak Bhd)*** | |
| 10 | Tn Hj. Ismail Bin Mawi @ Mendaie Bin Hj Mawi<br>***(PERWAKILAN ANGGOTA KPR FELCRA Kawasan Mukah Bhd)*** | |

# LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA

## LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA
## 2023

Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan sehingga 30 Jun, 2023

### PENUBUHAN

Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFB) di asaskan pada 29 Julai, 1979 oleh Pengurusan FELCRA Berhad di Lekir Sitiawan, Perak dan telah didaftarkan pada 18 Oktober, 1980 di bawah Akta Koperasi 1993.

### VISI

Menjadi sebuah koperasi yang terbaik di Malaysia dalam pembangunan ekonomi sosial komuniti FELCRA Berhad

### MISI

Meningkatkan keupayaan KPFB melalui komitmen dan penglibatan bersama untuk:-

- Bagi meningkatkan taraf kualiti hidup komuniti FELCRA Berhad
- Menjana pendapatan yang progresif dan lestari
- Mewujudkan kumpulan pengurusan KPFB yang komited, kompeten dan berintegriti
- Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan

### NILAI MURNI

K – Konsisten, Kekuatan, Kerjasama, Kegemilangan
P - Progresif, Proaktif, Produktif, Penyayang
F - Fokus, Fleksibel
B – Berani, Bijaksana, Berhemah

### OBJEKTIF

Meningkatkan dan melestarikan hasil pendapatan KPFB

Meningkatkan khidmat sosial kepada komuniti FELCRA Berhad melalui penyediaan peluang pekerjaan

Membantu KPR meningkatkan penjanaan pendapatan

Membangunkan pasukan kerja yang progresif dan dinamik

### TERAS STRATEGIK

Teras Strategik dibangunkan berdasarkan kepada empat perspektif utama iaitu kewangan, pelanggan, proses dalaman dan infrastruktur iaitu:-

Kewangan : Penjanaan Pendapatan Lestari
Pelanggan : Perkhidmatan Berkualiti

| | | |
|---|---|---|
| Proses Dalaman | : | Pengurusan Efektif dan Efisyen |
| Infrastruktur | : | Keupayaan KPFB yang mampan |

Empat teras Strategik ini dijadikan panduan untuk mencorakkan halatuju KPFB bagi tempoh 2020 - 2025. KPFB komited dan proaktif untuk menterjemahkan teras Strategik ini kepada pelan tindakan (inisiatif) seterusnya KPFB memfokus dan berani untuk melaksanakan perancangan yang telah ditetapkan.

**PRINSIP PENGURUSAN KPFB**

Bagi memantapkan pengurusan KPFB bermula pada tahun 2008, Anggota Lembaga telah menggariskan lima (5) prinsip yang perlu diamalkan bagi meningkatkan kejayaan KPFB iaitu;-

- Pengurusan Berkualiti
- Kerja Menuju Matlamat
- Kerja Sebagai Satu Pasukan
- Berlanja Secara Berhemah; dan
- Kerja Sebahagian Daripada Ibadah

Prinsip yang diamalkan oleh Warga KPFB ini diterjemahkan lagi dengan penghayatan Slogan yang diberikan penekanan daripada aspek

**“PENGURUSAN CEMERLANG KPFB TERBILANG”**

**BILANGAN DAN MODAL SYER ANGGOTA**

Pada tahun 2023 bilangan anggota KPFB sebanyak **154** buah Koperasi Rancangan FELCRA Berhad (KPR) manakala modal syer anggota KPFB sebanyak **RM11,745,053**

**LEMBAGA**

Anggota Lembaga telah mengadakan mesyuarat Anggota Lembaga kali ke - 1/2022 pada 17 Disember 2022 selepas selesai Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke-40 bagi membuat pemilihan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari. Berdasarkan kepada pemilihan tersebut, Anggota Lembaga yang berjaya dipilih adalah sebagaimana berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi<br>(Wakil Selangor) | : | Dato’ Haji Sabari b. Misran, DIMP, ASA, PJK |
| Setiausaha<br>(Wakil Kedah) | : | Haji Che Sakeri b. Ibrahim |
| Bendahari<br>(Wakil Pahang) | : | Haji Jamalukhair b. Mohd Rashid PKC |
| Wakil Pahang | : | YB. Dato’ Rodzuan b. Zaaba, DIMP |
| Wakil Perak | : | Haji Abu Bakar b. Rose |

| | | |
|---|---|---|
| Wakil Melaka | : | En. Jumat b. Mat Lani |
| Wakil Johor | : | En. Hassan b. Sarkon |
| Wakil Perlis | : | Haji Ahmad b. Suboh |
| Wakil Kelantan | : | En. Shamsuri b. Ibrahim |
| Wakil Pulau Pinang | : | Haji Mohamad Salleh b. Mohamad |
| Wakli Johor | : | Haji Jais b. Samingan |
| Wakil Terengganu | : | Haji Zakaria b. Mohamad |
| Wakil Sarawak | : | Haji Gali @ Nawi b. Haji Som |
| Wakil Perak | : | Haji Rosli b. Mat |
| Wakil Negeri Sembilan | : | En. Norlion b. Paidi |

**BILANGAN DAN KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA**

Sepanjang tahun 2022/2023, KPFB telah mengadakan **6** kali Mesyuarat Anggota Lembaga seperti berikut:-

| Bil. | Tarikh | Bilangan Mesyuarat ALK | KEHADIRAN ALK |
|---|---|---|---|
| 1. | 24/08/2022 | Kali Ke-04/2022 | 14/15 |
| 2. | 26/10/2022 | Kali Ke-05/2022 | 13/15 |
| 3. | 17/12/2022 | Kali Ke-01/2023 | 15/15 |
| 4. | 11/01/2023 | Kali Ke-02/2023 | 15/15 |
| 5. | 16/03/2023 | Kali Ke-03/2023 | 14/15 |
| 6. | 17/05/2023 | Kali Ke-04/2023 | 15/15 |

| Bil | Nama ALK | Bilangan Mesyuarat |
|---|---|---|
| 1. | Dato’ Haji Sabari b. Misran | 6/6 |
| 2. | Haji Che Sakeri b. Ibrahim | 6/6 |
| 3. | Haji Jamalukhair b. Mohd Rashid | 6/6 |
| 4. | Y.B Dato’ Rodzuan b. Zaaba | 4/6 |
| 5. | Haji Abu Bakar b. Rose | 5/6 |
| 6. | En. Jumat b. Mat Lani | 7/7 |
| 7. | En. Hassan b. Sarkon | 6/6 |
| 8. | Haji Ahmad b. Suboh | 6/6 |
| 9. | En. Shamsuri b. Ibrahim | 6/6 |

10. Haji Mohamad Salleh b. Mohamad 6/6
11. Haji Jais b. Samingan 6/6
12. Haji Gali @ Nawi b. Haji Som 6/6
13. Haji Zakaria b. Mohamad 6/6
14. En. Norlion b. Paidi 4/4
15. Haji Rosli b. Mat 4/4
16. Haji Jebat b. Din 0/2
17. Haji Zainuddin b. Kalam 2/2

**Penggiliran Anggota Lembaga**

Anggota Lembaga telah memutuskan penggiliran/pengguguran Anggota Lembaga berdasarkan kumpulan sebagaimana di bawah:

**JADUAL PENGGILIRAN ANGGOTA LEMBAGA KPFB**

| BIL. | ANGGOTA LEMBAGA | WAKIL NEGERI | TAHUN TAMAT |
|---|---|---|---|
| | **KUMPULAN : 1** | | |
| 1. | Haji Che Sakeri b. Ibrahim | Kedah | 2023 |
| 2. | En. Hassan b. Sarkon | Johor | 2023 |
| 3. | En. Shamsuri b. Ibrahim | Kelantan | 2023 |
| 4. | Haji Mohamad Salleh b. Mohamad | Pulau Pinang | 2023 |
| 5. | Haji Zakaria b. Mohamad | Terengganu | 2023 |
| | **KUMPULAN : 2** | | |
| 1. | Haji Abu Bakar b. Rose | Perak | 2024 |
| 2 | En. Jumat b. Mat Lani | Melaka | 2024 |
| 3 | Haji Jamalukhair b. Mohd Rashid | Pahang | 2024 |
| 4 | Haji Jais b. Samingan | Johor | 2024 |
| 5 | Haji Gali @ Nawi b. Haji Som | Sarawak | 2024 |
| | **KUMPULAN : 3** | | |
| 1. | Dato’ Haji Sabari b. Misran | Selangor | 2025 |
| 2. | Haji Rosli b. Mat | Perak | 2025 |
| 3. | Dato’ Rodzuan b. Zaaba | Pahang | 2025 |
| 4. | En. Norlion b. Paidi | Negeri Sembilan | 2025 |
| 5. | Haji Ahmad b. Suboh | Perlis | 2025 |

Bagi memantapkan pentadbiran KPFB, Lembaga telah menyusun struktur dengan mewujudkan Jawatankuasa Lembaga selaras undang-undang kecil 43 (2) (w). Penstrukturan ini bertujuan untuk memantau perjalanan pengurusan dan memperkemaskan operasi perniagaan harian KPFB di dalam melaksanakan tindakan-tindakan susulan yang dijalankan oleh Pengurusan KPFB. Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:-

**Jawatankuasa Pengurusan, Kewangan, Tender, Disiplin dan Kajian Risiko**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | - | Dato' Haji Sabari b. Misran |
| Ahli | - | Haji Che Sakeri b. Ibrahim |
| | - | Haji Jamalukhair b. Mohd Rashid |
| | - | Haji Abu Bakar b. Rose |
| | - | Dato' Rodzuan b. Zaaba |
| | - | En. Jumat b. Mat Lani |
| | - | En. Hassan b. Sarkon |
| | - | Haji Ahmad b. Suboh |
| | - | Haji Mohamad Salleh b. Mohamad |

**Jawatankuasa Pembangunan Projek**

| | | |
|---|---|---|
| Pengerusi | - | Dato' Haji Sabari b. Misran |
| Ahli | - | Haji Che Sakeri b. Ibrahim |
| | - | Haji Jamalukhair b. Mohd Rashid |
| | - | Haji Jais b. Samingan |
| | - | En. Shamsuri b. Ibrahim |
| | - | Haji Zakaria b. Mohamad |
| | - | Haji Gali @ Nawi b. Haji Som |
| | - | En. Norlion b. Paidi |
| | - | Haji Rosli b. Mat |

**Jawatankuasa Kecil**

| | | |
|---|---|---|
| Bahagian Pemasaran | - | Haji Abu Bakar b. Rose |
| | - | Haji Jais b. Samingan |
| | - | En. Shamsuri b. Ibrahim |
| Bahagian Pertanian | - | En. Jumat b. Mat Lani |
| | - | En. Norlion b. Paidi |
| | - | Haji Mohamad Salleh b. Mohamad |
| Bahagian Teknikal | - | En. Hasssan b. Sarkon |
| | - | Haji Ahmad b. Suboh |
| | - | Haji Rosli b. Mat |

Bahagian Pembangunan Perniagaan

| | | |
|---|---|---|
| | - | Y.B Dato' Rodzuan b. Zaaba |
| | - | Haji Zakaria b. Mohamad |
| | - | Haji Gali @ Nawi b. Haji Som |

**Jawatankuasa Rayuan Tatatertib**

Semua ALK

**KPFB BERSEPADU SDN BHD -1277705-V**

Dato' Haji Sabari b. Misran
Haji Che Sakeri b. Ibrahim
Haji Abu Bakar b. Rose
En. Jumat b. Mat Lani
En. Hassan b. Sarkon

**Lantikan Lembaga Dalam Subsidiari**
**FELCRA Berhad dan Yayasan FELCRA**

**Yayasan FELCRA Berhad**

- Dato' Haji Sabari b. Misran

**FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn Bhd.**

- Haji Che Sakeri b. Ibrahim

**JAWATANKUASA AUDIT DALAM**

Selaras dengan Undang-Undang Kecil 48, menurut subseksyen 42A(1) Akta, Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi hendaklah mengandungi tiga orang, terdiri daripada perwakilan yang dilantik oleh Lembaga, menurut fasal (g) undang-undang kecil 40. Ahli Jawatankuasa Audit Dalam yang dipilih adalah:-

Haji Shaharani b. Mahamud
(KPR FELCRA Kledang Sayong Kuala Kangsar Berhad)

Haji Mustfa Kamal b. Sulaiman
(KPR FELCRA Sg. Kambang Berhad)

Haji Mokhtar b. Omar
(KPR FELCRA Bukit Gedup Dungun Berhad)

Jawatankuasa Audit Dalam telah bersidang dan telah memilih Haji Shaharani b. Mahamud sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman.

**PENGURUSAN**

Sehingga 30 Jun, 2023, KPFB mempunyai staf pengurusan seramai 50 orang. Staf-staf ini bertugas di Ibu Pejabat dan juga Wilayah-Wilayah.

Wilayah KPFB adalah di lokasi-lokasi berikut:-

Wilayah Utara, Alor Setar, Kedah

Wilayah Perak, Ayer Tawar, Perak

Wilayah Tengah, Bahau, Negeri Sembilan

Wilayah Johor, Segamat, Johor

Wilayah Pahang, Temerloh, Pahang

Wilayah Timur, Kuala Terengganu, Terengganu

Wilayah Sarawak, Samarahan, Sarawak

Wilayah Sabah , Kota Kinabalu, Sabah

Sehingga 30 Jun, 2023 struktur staf KPFB adalah sebagaimana berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| Pengurus Besar | : | 1 orang |
| Pengurus | : | 6 orang |
| Akauntan | : | 1 orang |
| Jurutera | : | 1 orang |
| Pengurus Cawangan | : | 8 orang |
| Staf Sokongan Ibu Pejabat | : | 23 orang |
| Staf Sokongan Cawangan/Projek | : | 10 orang |

**PELABURAN**

Sehingga 30 Jun, 2023 kedudukan potfolio pelaburan KPFB dan simpanan tetap adalah sebagaimana berikut:-

| | RM |
|---|---|
| Pelaburan Dalam Saham Tak Siarharga | 1,172,963 |
| Pelaburan Dalam Subsidiari | 1,000,000 |
| Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu | 285,000 |
| Pelaburan lain | 2,008,000 |
| Simpanan Tetap Di Institusi Kewangan Berlesen | 3,829,860 |
| | -------------- |
| **Jumlah** | **8,295,823** |
| | ======== |

## AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Sepanjang tahun kewangan 30 Jun, 2023, KPFB telah menjalankan urusniaga yang berjumlah **RM 637,729824** berbanding aktiviti tahun lepas sebanyak **RM 649,549,458** dengan mengalami sedikit penurunan sebanyak **RM 11,819,634** atau berkurang **1.82%.** Walaubagaimanapun pencapaian keuntungan bersih sebelum cukai adalah telah meningkat sebanyak **RM 2,960,263** berbanding pada tahuan 2022/21 sebanyak **RM 1,572,950** iaitu meningkat **88.20%** berjumlah **RM 1,387,313** berbanding tahun 2022/21.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah mengikut Bahagian-Bahagian seperti berikut:-

a) **Aktiviti Pemasaran**

Bahagian ini telah menjalankan aktiviti pembelian Buah Tandan Segar (BTS), Sekerap dan Pengangkutan BTS di Sarawak serta Belian Luar dimana pihak KPFB terlibat dalam aktiviti penghantaran buah ke kilang-kilang di Kawasan Kilang Sawit FB Maran, Kilang Sawit FB Melikai, Kilang Sawit FB Bukit Kepong dan Kilang Sawit Swasta iaitu Kilang Classic Segamat. Bahagian ini juga telah melaksanakan sebanyak **87** kontrak pada tahun 2021 hingga tahun 2023 dengan nilai urusniaga sebanyak **RM 550,616,173.00** dalam tahun kewangan 2023 dan keseluruhan keuntungan kasar adalah sebanyak **RM 5,346,358.00**

Bagi aktiviti belian BTS FELCRA Berhad, KPFB telah memperoleh hasil sebanyak 645,385.66 M/T dimana keuntungan kasar adalah sebanyak **RM 7,139,916**. Manakala bagi aktiviti Sekerap, KPFB telah memperoleh hasil sebanyak 1,179,831.00 Kg Basah bersamaan 694,686.23 Kg Kering dengan kadar keuntungan sebanyak **RM 104,777.16**. Disamping belian BTS dengan pihak FELCRA Berhad, KPFB juga ada menjalankan aktiviti Belian BTS Luar, dengan memperolehi keuntungan sebanyak **RM 199,959.96** bagi kerja-kerja penghantaran BTS ke kilang FELCRA Berhad dengan hasil sebanyak 99,979.98 m/t. Dan,bagi aktiviti Pengangkutan BTS di Sarawak, pihak KPFB telah menjalankan kerja-kerja pengangkutan sebanyak 113,825.10 M/T dengan nilai keuntungan yang diperolehi dalam tahun kewangan semasa sebanyak **RM 360,829.00** dan lain-lain pendapatan keuntungan faedah sebanyak **RM 13,566,88.00**

Dalam tahun kewangan 2023/2022,pihak KPFB melalui bahagian pemasaran telah membuat pengagihan insentif,sebanyak **RM 2,472,691.00** kepada 61 KPR yang telah berusahasama meliputi seluruh Malaysia.

Aktiviti Pemasaran masih berjalan seperti biasa dan KPFB telah ditawarkan untuk menjalankan aktiviti pemasaran diseluruh Malaysia kecuali ladang-ladang yang terlibat dengan Kilang Sawit milik FELCRA Berhad sendiri. KPFB menjangkakan berlaku peningkatan pendapatan pada tahun 2024/2023 sebanyak **RM 1,000,000.00**/tahun. Pihak KPFB menjangkakan berlaku peningkatan dalam pendapatan keseluruhan untuk tahun kewangan berakhir pada JUN 2024 sebanyak **RM 8.5 juta** kasar untuk bahagian pemasaran khursusnya.

| | RM 2023 | RM 2022 |
|---|---|---|
| Pendapatan | 550,616,173 | 596,037,199 |
| Perbelanjaan | 542,797,124 | 589,407,351 |
| Insentif | 2,472,691 | 1,694,974 |
| **Keuntungan Kasar** | **5,346,358** | **4,934,874** |

b) **Aktiviti Pertanian**

Bahagian Pertanian menjalankan aktiviti kerja-kerja Pertanian Am, kerja-kerja Membersih Kawasan Tanaman (MKT) dan kerja-kerja Memotong dan Mengangkut BTS (MMB), kerja-kerja Penorehan Getah serta kerja-kerja Pembekalan anak benih sawit & getah / Input Pertanian. Pada **2023/2022.** Bahagian ini telah menguruskan sebanyak **8 kontrak Pertanian AM** dengan nilai urusniaga sebanyak **RM 10,829,268.76.** Kontrak Pembekalan sebanyak **30 kontrak** dengan nilai urusniaga sebanyak **RM 4,854,147.80** dan lain lain aktiviti sebanyak **RM 989,990.00** menjadikan nilai urusniaga bahagian pertanian berjumlah **RM 16,673,406.56** Pendapatan kasar bagi semua aktiviti ini ialah sebanyak **RM 1,802,770.36** iaitu peningkatan sebanyak **173.99%** berbanding pencapaian tahun **2022/2021** sebanyak **RM 657,976.**

| | RM 2023 | RM 2022 |
|---|---|---|
| Pendapatan | 16,673,407 | 5,447,697 |
| Perbelanjaan | 14,870,637 | 4,789,721 |
| **Keuntungan Kasar** | **1,802,770** | **657,976** |

c) **Aktiviti Teknikal**

Bahagian Teknikal menumpukan kepada aktiviti pembinaan Bangunan, Jalan dan Infrastruktur. Bagi tahun kewangan 2023/2022, aktiviti Bahagian adalah daripada projek sambungan sebelum ini serta projek baru tahun semasa. Kontrak yang diperolehi pada tahun 2023/2022 adalah sebanyak **104** projek berbanding tahun 2022/2021 sebanyak 50 projek. Urusniaga bahagian Teknikal adalah berjumlah **RM 62,218,100** meningkat sebanyak **RM 20,767,376** daripada **RM 41,450,724** iaitu sebanyak **50.11%** berbanding pada tahun 2022/2021.

Industri pembinaan bagi tahun 2023/2022 terdapat banyak peningkatan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Keuntungan kasar pada tahun 2023/2022 sebanyak **RM 3,430,048** yang mana bertambah sebanyak **RM 2,355,507** daripada **RM1,074,541 iaitu 219.21%** berbanding pada tahun 2022/2021**.** Pendapatan Bahagian

adalah dikira daripada kemajuan sebenar kewangan mengikut sijil bayaran kemajuan kerja bukannya berdasarkan kemajuan fizikal di tapak.

Tumpuan Bahagian Teknikal untuk peningkatan pendapatan tahun - tahun hadapan adalah menumpukan aktiviti selaku pemaju perumahan Projek Residensi KPFB di Sungai Tua, Selayang, Selangor yang mana dalam peringkat proses semakan Kelulusan Merancang (KM) disamping projek-projek baru dengan agensi kerajaan.

| | RM<br>2023 | RM<br>2022 |
|---|---|---|
| Pendapatan | 62,218,100 | 41,450,724 |
| Perbelanjaan | 58,788,052 | 40,376,183 |
| **Keuntungan Kasar** | **3,430,048** | **1,074,541** |

d) **Aktiviti Niaga**

Bahagian Niaga melibatkan aktiviti pembekalan racun kimia, baja dan input pertanian, pellet makanan haiwan ternakan, KPFB roomstay dan hostel, sewa apartment tapah, barangan hardware, perkhidmatan insurans dan barangan pengguna minyak masak dan beras jenama “De’ Ibu”. Pada tahun ini, urusniaga Bahagian pada tahun **2023** berjumlah **RM 7,615,985** iaitu peningkatan **33.61%** daripada tahun 2022/2021 **RM 1,916,019** berbanding tahun lalu **RM 5,699,966**. Manakala keuntungan kasar pada tahun **2023** berjumlah **RM 902,257** berbanding tahun **2022** sebanyak **RM 1,054,467** telah mengalami penurunan sebanyak **14.43%** iaitu **RM 152,210** berbanding tahun sebelumnya. Penurunan ini berpunca daripada peningkatan jualan barangan pengguna iaitu minyak masak dan beras jenama **“De’ Ibu”** kerana margin keuntungan agak rendah dan merupakan produk komoditi yang harganya dikawal kerajaan, dalam masa yang sama Bahagian mengeluarkan kos pembangunan produk (One Off) bagi keperluan bekalan selama 3 tahun. Pada masa hadapan Bahagian Niaga akan menumpukan kepada pembekalan barangan pengguna, pembekalan barangan peruncitan dan produk IKS, pembekalan barangan elektrik, projek ternakan lembu, variasi pellet dan usahasama penghasilan produk makanan ternakan haiwan.

| | RM<br>2023 | RM<br>2022 |
|---|---|---|
| Pendapatan | 7,615,985 | 5,699,966 |
| Perbelanjaan | 6,713,728 | 4,645,499 |
| **Keuntungan Kasar** | **902,257** | **1,054,467** |

e) **Aktiviti Tapak Semaian Kelapa Sawit**

KPFB juga telah dianugerahkan sewaan tanah seluas 40 ekar oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP) untuk perojek tapak semaian sawit. Anak benih sawit ini boleh dipasarkan jangkaan pada Januari 2024. Kapasiti anak benih sawit diantara 200,000 – 300,000 dalam satu masa. KPFB telah berbincang dengan pihak FELCRA Bhd untuk bekalan anak benih sawit sebanyak 20,000 sebulan.

f) **Aktiviti Ladang Sawit KPFB**

Pengeluaran hasil bagi tahun **2022/2023** ialah sebanyak **719.14 metrik/tan** berbanding tahun **2021/1022** sebanyak **778.45 metrik/tan**, iaitu penurunan sebanyak **59.31 metrik/tan**. Penurunan hasil BTS ini ialah disebabkan SPH pokok yang semakin berkurangan dan juga masalah kekurangan tenaga pekerja. Pendapatan kasar juga berkurangan daripada **RM908,022.00** tahun **2021/2022** kepada **RM606,159.00 (2022/2023)** berikutan pengurangan hasil dan juga disebabkan penurunan harga CPO. Untuk mengimbangi masalah ini Bahagian Pertanian akan melaksanakan program Tanam Semula bagi kawasan-kawasan yang tidak produktif secara berperingkat. KPFB juga telah menambah keluasan ladang sawit dengan membangunkan tanah **di Senggang** yang berkeluasan **22 ekar** yang di jangka mengeluarkan hasil pada 2024 manakala **di Lembah Beringin** yang berkeluasan **391.40 ekar** di jangka mengeluarkan hasil pada 2024. Perbelanjaan pada 2022/2023 meningkat di sebab kan pembaikan jalan-jalan ladang dan juga jalan sempadan yang telah 10 tahun tidak di baiki dan juga lorong-lorong tuai.

| | | **RM 2023** | **RM 2022** |
|---|---|---|---|
| | Pendapatan | 606,159 | 908,022 |
| | Perbelanjaan | 531,229 | 297,957 |
| | **Keuntungan Kasar** | **74,930** | **610,065** |
| g) | **Lain-lain Aktiviti** | **913,056** | **1,108,575** |
| | **Jumlah keuntungan daripada aktiviti utama** | **11,554,863** | **8,337,773** |
| | **Jumlah keuntungan Bersih** | **2,960,263** | **1,572,950** |

**ASET TETAP**

Sehingga 30 Jun, 2023, KPFB telah memiliki **15** buah bangunan kedai/pejabat, ladang kelapa sawit dan hartanah di lokasi-lokasi berikut:-

| JENIS | LOKASI | LOT | STATUS | BAKI PINJ. RM | HARGA BELI RM | HARGA PASARAN RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bangunan Kedai/Pejabat 4 Tingkat | Segamat, Johor (Pejabat Wilayah Johor) | PTD 1380 | Pegangan Bebas | Telah diselesaikan | 425,000 | 520,000 |
| Bangunan Kedai/Pejabat 4 Tingkat | Subang Jaya, Selangor. (Disewakan) | PT 4013 | Pegangan Bebas | Telah diselesaikan | 662,275 | 3,500,000 |
| Bangunan Kedai/Pejabat 2 ½ Tingkat | Ayer Tawar, Perak (Pejabat Wilayah Perak) | 21098 | Pajakan 99 Tahun | Telah diselesaikan | 255,900 | 300,000 |
| Bangunan Kedai/Pejabat 1 Tingkat | Bahau, Negeri Sembilan (Pejabat Wilayah Tengah) | PT 852 | Pegangan Bebas | Telah diselesaikan | 85,000 | 250,000 |
| Bangunan Kedai/Pejabat 2 Tingkat | Temerloh, Pahang. (Pejabat Wilayah Pahang) | PT 5774 | Pegangan Bebas | Telah diselesaikan | 280,000 | 380,000 |
| Bangunan Kedai/Pejabat 3 Tingkat | No. 16, Desa Melawati. (Pejabat Urusan KPFB) | PT 26807 | Pegangan Bebas | Telah diselesaikan | 850,000 | 1,850,000 |
| Bangunan Kedai/Pejabat 2 Tingkat | Kuala Terengganu, Terengganu. (Pejabat Wilayah Timur) | PT 32594 | Pegangan Bebas | RM88,012 | 360,000 | 420,000 |
| Bangunan 5 unit Apartment | Tapah , Perak (Asrama Pelajar UiTM) | PT 4995 | Pegangan Bebas | RM501,235 | 831,250 | 850,000 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bangunan Kedai/Pejabat 3 Tingkat | No 17, Desa Melawati (Pejabat Pentadbiran KPFB) | PT 43261 | Pegangan Bebas | RM1,112,031 | 1,625,000 | 1,850,000 |
| Ladang Kelapa Sawit 300 ekar | Mukim Belanja & Mukim Layang-Layang, Perak. | 13666 & 8409 | Pegangan Bebas | Telah diselesaikan | 2,893,000 | 13,000,000 |
| Tanaman Kelapa Sawit 11.22 ekar | FELCRA Panchor Merah, Terengganu | Lot No.5949 & Lot No. 5898 | Pegangan Bebas | Telah diselesaikan | 257,980 | 336,000 |
| Tanah Selayang 7.94 ekar | Sg Tua, Selangor | Lot 2146, 2148, 2150 | Simpanan Melayu | RM11,808,129 | 13,885,440 | 20,609,064 |
| Tanah Senggang 22 Ekar | Kuala Kangsar, Perak | Lot 14274 14280 14281 14277 12479 14282 48242 48251 48042 PT4601 PT4608 | Simpanan Melayu | Telah diselesaikan | 484,000 | 484,000 |
| Tanah Ladang Lembah Beringin 902.08 ekar | Hulu Selangor | | Pajakan 21 tahun | | 3,245,760 | 78,612,796 |
| Kilang Palet Gong Badak Terenganu | Terengganu | | Pajakan | RM2,243,170 | 2,750,000 | 2,750,000 |
| | | | | **JUMLAH** | **28,890,605** | **125,711,860** |

**KPFB BERSEPADU SDN BHD – 1277705 - V**

KPFB akan keluarkan "*Power Of Attorney*" (PA) kepada KPFB Bersepadu Sdn Bhd akan menjadi pemaju untuk projek Tanah Selayang KPFB bagi pembangunan KPFB Residensi, 928 unit, 4 Blok Apartment, 29 Tingkat di atas Lot 2146,2148 dan 2150, Mukim Batu, Daerah Gombak.

**PRESTASI SEHINGGA 30 JUN 2023**

**Keputusan Kewangan**

Bagi tahun kewangan **2023/2022,** KPFB telah mendapatkan keuntungan bersih adalah sebanyak **RM 2,960,263** berbanding pada tahun kewangan 2022/2021 sebanyak **RM 1,572,950** iaitu berlaku peningkatan sebanyak **RM 1,387,313** atau **88.20%.** Bagi perbelanjaan operasi pada tahun kewangan **2023/2022** iaitu sebanyak **RM 9,507,656** berbanding pada tahun kewangan **2022/2021** sebanyak **RM 7,873,398** iaitu peningkatan sebanyak **RM 1,634,258** atau **20.76%.** Bagi prestasi keuntungan kasar dari aktiviti utama, berlaku peningkatan pada tahun kewangan **2023/2022** iaitu sebanyak **RM 11,554,863** berbanding tahun kewangan **2022/2021** iaitu **RM 8,337,773.** Peningkatan ini adalah sebanyak **RM3,214,841** atau **39.0%.**

Dari segi perbelanjaan operasi bagi tahun kewangan **2023/2022**, ianya dapat dilihat berlakunya peningkatan **RM 9,507,656** berbanding tahun kewangan **2022/2021** iaitu **RM 7,873,398.** Peningkatan ini adalah sebanyak **RM 1,634,258** iaitu meningkat **20.76%** adalah kerana, pada tahun kewangan **2023/2022** secara keseluruhannya perbelanjaan pentadbiran, lain –lain perbelanjaan operasi, perbelanjaan kewangan dan juga perbelanjaan am berikutan peningkatan dalam urusniaga tahun kewangan 2023/2022.Kenaikan ini juga melibatkan aktiviti CSR yang telah dilaksanakan oleh pihak KPFB sepanjang tempoh kewangan yang mana salah satu CSR adalah dengan membina sebuah rumah kos rendah di Negeri Kedah. Serta salah satu kenaikan adalah dengan pertambahan asset tetap yang dimiliki oleh pihak KPFB dalam tempoh kewangan yang mana ia berkait rapat dengan belanja susutnilai.

Selain daripada itu, pada tahun kewangan nilai aset semasa bersih telah mengalami penurunan yang ketara dari **RM 8,220,225** kepada **RM6,136,688** iaitu dengan nilai penurunan sebanyak **RM 2,083,537 (25.35%).** Penurunan ini disebabkan salah satu faktor dari pengurangan nilai penghutang dan pemiutang. Ini menunjukkan bahawa sepanjang tahun kewangan, prestasi pembayaran dan kutipan hutang secara kolektif telah dibuat dengan baik. Ianya dapat dilihat dengan penurunan yang ketara untuk penghutang sebanyak **58%** berbanding pemiutang sebanyak **34%.** Dan sejajar dengan penurunan ini, wang tunai ditangan secara langsung telah meningkat sebanyak **RM 16,981,455 (77%).** Ini menggambarkan keberkesanan KPFB dalam menguruskan strategi pemasaran bagi meneruskan kelangsungan perniagaan pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, jumlah aset dan juga jumlah liabiliti berada dalam keadaan terapung bagi kedua – dua tahun. Peningkatan dalam jumlah aset adalah kerana pada tahun semasa, pihak Koperasi telah membeli sebuah kilang memproses makanan ternakan haiwan.

Pada tahun kewangan **2023/2022**, KPFB mendapat kontrak baru dalam kuantiti yang kecil dan juga menyiapkan kerja-kerja sambungan. Disamping itu juga keadaan ekonomi semasa berada dalam pertumbuhan yang perlahan. Walaubagaimanapun, KPFB masih mampu memperolehi peningkatan keuntungan pada tahun semasa. Prestasi KPFB berada dalam keadaan yang baik kerana pada 2023/2022, KPFB berjaya mengekalkan keuntungan terkumpul.

**Dividen**

Hasil daripada prestasi tahun kewangan 2023, Lembaga KPFB bercadang untuk mengisytiharkan pembayaran dividen kepada anggota sebanyak **6%** iaitu sebanyak **RM 704,703** meningkat berbanding tahun lepas iaitu **5%.**

**PENCAPAIAN 5 TAHUN LEPAS (2018/2019 – 2022/2023)**

Dalam tempoh **5** tahun lepas pencapaian keuntungan bersih sebelum cukai KPFB tahun 2018/2019 – 2020/ 2023 telah menunjukkan aliran pencapaian setiap tahun seperti berikut:-

| Tahun | 2018/2019 | 2019/2020 | 2020/2021 | 2021/2022 | 2022/2023 |
|---|---|---|---|---|---|
| Bajet Untung Bersih Sebelum Cukai | 4,384,374.00 | 3,705,139.00 | 3,211,215.00 | 1,776,842.00 | 2,408,252.00 |
| Sebenar Untung Bersih Sebelum Cukai | 2,829,961.00 | 230,899.00 | 904,591.00 | 1,572,950.00 | 2,960,263.00 |

**KAEDAH PELAKSANAAN USAHASAMA KPFB/KPR**

Pengagihan keuntungan adalah berdasarkan penglibatan KPFB/KPR dimana sekiranya KPFB yang menguruskannya KPFB mendapat **70%** dan KPR mendapat **30%** dan sebaliknya. Mengikut rekod pembahagian keuntungan(insentif) kepada KPR-KPR setiap tahun sejak tahun 2001, KPFB telah mengeluarkan bayaran insentif kepada KPR-KPR sebanyak **RM29,622,183.00** dan bayaran dividen sebanyak **RM17,748,858.00** menjadikan jumlah keseluruhannya kepada KPR-KPR sebanyak **RM47,371,041.00** seperti berikut:-

| Tahun | Insentif RM | Modal Syer RM | Dividen RM |
|---|---|---|---|
| 1980 - 2000 | | 11,122,544 | 3,208,867 |
| 2001 - 2010 | 5,102,588 | 11,177,088 | 3,963,167 |
| 2011 - 2020 | 19,468,510 | 11,666,345 | 8,724,615 |
| 2021 | 883,420 | 11,475,045 | 573,753 |
| 2022 | 1,694,974 | 11,635,053 | 573,753 |
| 2023 | 2,472,691 | 11,745,053 | 704,703 |
| **Jumlah** | **29,622,183** | | **17,748,858** |

## PERANCANGAN MASA HADAPAN

### Sasaran keuntungan

- KPFB meletakan sasaran keuntungan bersih pada tahun 2024 sebanyak **RM 3.0** juta. Pengurusan menjangkakan keuntungan dalam tempoh lima tahun kepada **RM 4.50** juta.

| Tahun | 2023/2024 | 2024/2025 | 2025/2026 | 2026/2027 | 2027/2028 |
|---|---|---|---|---|---|
| Sasaran Keuntungan Bersih Sebelum Cukai | **RM 3,000,000** | **RM 3,500,000** | **RM 3,800,000** | **RM 4,200,000** | **RM 4,500,000** |

### Mengadakan projek baru dan usahasama KPFB dan KPR

- Meningkatkan penglibatan projek pertanian dan tanam semula di FELCRA Berhad
- Meningkatkan pembelian Buah Tandan Segar (BTS) dan sekerap
- Membuka tapak semaian sawit kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang (PKPP)
- Menjadi 'dealer' pembelian buah tandan segar (bts)
- Menjadi pembekalan barang-barang hardware dan mesin-mesin
- Menyediakan perkhidmatan roomstay, homestay dan bajet hotel
- Perkhidmatan Pengangkutan Buah Kelapa Sawit

### Memiliki ladang berskala besar dan pemaju perumahan

- Memiliki ladang yang berskala besar
- Memajukan pembangunan hartanah
- Menjadi pemaju perumahan

### Projek Baru Yang Akan Di Laksanakan

- Pengurusan Kilang Palet Makanan Ternakan
- Pembekalan Barangan Pengguna
- Projek Fidlot Ternakan Lembu

- Projek Tanaman Kontan Secara Komersial

- Pembekalan barangan elektrik

**Penyertaan Ekuiti bersama FELCRA Berhad**

- Pembelian ladang-ladang yang berpotensi

- Penyertaan dalam kilang-kilang sawit

- Penyertaan dalam kilang penapisan minyak sawit

**PENGHARGAAN**

Lembaga KPFB ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khususnya kepada anggota terhadap kerjasama, sokongan, sumbangan, saranan-saranan dan nasihat-nasihat yang telah diberikan kepada KPFB. Lembaga KPFB berharap agar kerjasama, sokongan dan sumbangan ini akan berterusan demi untuk faedah dan kemajuan KPFB dan KPR. Bagi mencapai menjayakan matlamat yang telah digariskan setiap warga kerja KPFB telah diterapkan moto ***"PENGURUSAN CEMERLANG KPFB TERBILANG"***

# LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

# KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD

**(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)**

## LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

Diluluskan untuk diterbitkan melalui resolusi Anggota Lembaga Koperasi

0 5 DEC 2023

---

**ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.**
**Akauntan-Akauntan Bertauliah (Malaysia)**

# KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|
| Kandungan | 1 |
| Maklumat Korporat | 2 |
| Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi | 3 - 5 |
| Laporan Juruaudit Bebas | 6 - 10 |
| Kunci Kira-kira | 11 - 12 |
| Akaun Pembahagian Keuntungan | 13 |
| Akaun Untung Rugi | 14 - 15 |
| Penyata Aliran Tunai | 16 - 17 |
| Polisi-polisi dan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan | 18 - 54 |

# KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

### MAKLUMAT KORPORAT

| | | |
|---|---|---|
| No. Pendaftaran Koperasi: | Koop Negara No. 42 | |
| Pejabat Berdaftar/ Alamat Pentadbiran: | WISMA KPFB<br>NO. 16 & 17, JALAN 3/4C<br>DESA MELAWATI<br>53100 KUALA LUMPUR | |
| Anggota Lembaga Koperasi: | | |
| Pengerusi | DATO' HAJI SABARI BIN MISRAN | |
| Setiausaha | HAJI CHE SAKERI BIN IBRAHIM | |
| Bendahari | HAJI JAMALUKHAIR BIN MOHD RASHID | |
| Anggota Lembaga | DATO' RODZUAN BIN ZAABA | |
| | HAJI ABU BAKAR BIN ROSE | |
| | EN. JUMAT BIN MAT LANI | |
| | EN. HASSAN BIN SARKON | |
| | HAJI AHMAD BIN SUBOH | |
| | EN. SHAMSURI BIN IBRAHIM | |
| | HAJI MOHAMAD SALLEH BIN MOHAMAD | |
| | HAJI JAIS BIN SAMINGAN | |
| | HAJI ZAKARIA BIN MOHAMAD | |
| | HAJI GALI @ NAWI BIN SOM | |
| | HAJI ROSLI BIN MAT | (Bermula 18 Disember 2022) |
| | EN. NORLION BIN PAIDI | (Bermula 18 Disember 2022) |
| | HAJI JEBAT BIN DIN | (Sehingga 17 Disember 2022) |
| | HAJI ZAINUDDIN BIN KALAM | (Sehingga 17 Disember 2022) |
| Jawatankuasa Audit Dalaman: | | |
| Pengerusi | HAJI SHAHARANI BIN MAHAMUD | |
| Setiausaha | HAJI MUSTAFA KAMAL BIN SULAIMAN | |
| Ahli | HAJI MOKHTAR BIN OMAR | |
| Juruaudit: | ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO | |
| Bank Utama: | BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD<br>CIMB BANK BERHAD<br>CIMB ISLAMIK BANK BERHAD<br>MAYBANK ISLAMIK BANK BERHAD<br>AMBANK BERHAD<br>AFFIN ISLAMIK BANK BERHAD<br>BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD | |

## KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

### LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(3)

Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan Koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023.

Kegiatan utama Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad adalah menjalankan kegiatan perniagaan, pertanian dan binaan, memberi pinjaman kepada anggota, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan saham, pemilikan aset, sewa ruang pejabat dan bangunan, dan mengadakan aktiviti-aktiviti usahasama. Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan utama di dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

| | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|
| **PEMBAHAGIAN BERKANUN** | | |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori, 12% (2022: 8%) | 355,232 | 125,837 |
| Kumpulan Wang Amanah:- | | |
| Pendidikan Koperasi, 2% (2022: 2%) | 59,205 | 31,459 |
| Pembangunan Koperasi, 1% (2022: 1%) | 29,603 | 15,730 |
| | | |
| **PEMBAHAGIAN DICADANGKAN** | | |
| Dividen atas Modal Syer Anggota dicadangkan, 6% (2022: 5%) | 704,703 | 573,753 |
| Honorarium Anggota Lembaga | 150,000 | 150,000 |
| Kumpulan Wang Penebusan Syer (5%) (2022: 5%) | 78,648 | 78,648 |
| Tabung Persaraan Kakitangan | 500,000 | 78,648 |

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(3)**
**(Sambungan)**

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

(a) perolehan Koperasi pada sepanjang tahun kewangan tidak terjejas secara berkesan oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang luarbiasa;

(b) Koperasi juga bercadang untuk membayar dividen bagi tahun kewangan ini sebanyak RM704,703 iaitu 6% atas baki modal syer anggota pada 31 Disember 2022 tertakluk kepada persetujuan dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Selain itu juga, Koperasi juga bercadang untuk membayar honorarium bagi tahun kewangan ini sebanyak RM150,000;

(c) pada tarikh laporan ini, tidak ada sebarang keadaan yang timbul yang akan menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Koperasi mengelirukan atau tidak sesuai;

(d) tiada liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Koperasi untuk menepati segala kewajipannya apabila tiba masa untuk menunaikannya kelak;

(e) Lembaga juga berpendapat bahawa amaun aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah;

(f) dalam tahun kewangan ini, tiada sebarang pindahan penting dibuat kepada atau daripada rizab dan peruntukan, selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan dan nota-nota kepada penyata kewangan; dan

(g) aset semasa boleh dihasilkan nilai seperti tercatat dalam rekod-rekod perakaunan Koperasi secara urusan perniagaan biasa.

## KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993 SEKSYEN 59(3)**
**(Sambungan)**

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, mengakui bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada perkara-perkara lain di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993.

DATO' HAJI SABARI BIN MISRAN
Pengerusi

HAJI CHE SAKERI BIN IBRAHIM
Setiausaha

HAJI JAMALUKHAIR BIN MOHD RASHID
Bendahari

Tarikh: 05 DEC 2023
Kuala Lumpur

ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.
CHARTERED ACCOUNTANTS (M) (AF 0699)
www.atarek.com.my

Head office :
30-8 & 30-8-1, Level 30,
Binjai 8 Premium Soho,
No. 2, Lorong Binjai,
50450 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tel : 603 - 2181 7906

Offices :
Ipoh
Kota Bharu
Melaka
Kuala Terengganu

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
## KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD

**Kepada,**
**Ketua Pendaftar Koperasi,**
**Anggota-anggota Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad**

### Laporan Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad**, yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada **30 Jun 2023**, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan rumusan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 54 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Koperasi pada 30 Jun 2023, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut menurut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

### Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan.* Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas untuk pendapat kami.

### Kebebasan dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Syarikat menurut By-Laws (*on Professional Ethics, Conduct and Practice*) oleh Institut Akauntan Malaysia ("*By-Laws*") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Accountants' International Code of Ethics for Professional Accountants (including International Independence Standards*) ("*IESBA Code*"), dan kami telah melaksanakan lain-lain tanggungjawab etika menurut *By-Laws* dan *IESBA Code.*



Member firm of
ASNAF INTERNATIONAL
ASEAN Accounting Firm
www.asnafgroup.com

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
## KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
**(Sambungan)**

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit**

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi tidak meliputi Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan kami tidak menyatakan sebarang pendapat ke atasnya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi dan, melaluinya, mempertimbangkan sama ada Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi atau pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berdasarkan kepada kerja yang kami jalankan, kami membuat kesimpulan terdapat salah nyata secara ketara terhadap Laporan Berkanun Anggota Lembaga Koperasi, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

**Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Kumpulan dan Koperasi dan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana berkenaan, hal-hal berkaitan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan usaha berterusan melainkan Anggota Lembaga Koperasi samaada berniat untuk membubarkan Kumpulan dan Koperasi atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai pilihan lain yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
# KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
(Sambungan)

**Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi secara keseluruhan adalah bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami.

Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukanlah satu jaminan pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan sesuatu salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau secara agregat, boleh dijangka secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Koperasi.

- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
## KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
**(Sambungan)**

**Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan (Sambungan)**

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh Anggota Lembaga Koperasi dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Kumpulan dan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Koperasi, termasuk pendedahan-pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dalam keadaan yang mencapai persembahan yang saksama.

- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan aktiviti perniagaan Kumpulan atau Koperasi untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas hala tuju, penyeliaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami bertanggungjawab bagi pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai, antara lain, skop dan jangka masa pengauditan yang dirancang dan penemuan penting audit, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**

# KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD

**(Sambungan)**

**Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain**

Menurut keperluan-keperluan Akta Koperasi 1993, di Malaysia, kami juga melaporkan yang pada pendapat kami:

(a) rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod telah disimpan dengan wajar menurut Seksyen 58 Akta Koperasi, 1993;

(b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Kumpulan dan Koperasi sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2023, adalah menurut Akta, Peraturan-peraturan Pertubuhan Koperasi 2010 di Malaysia, dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan

(c) aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam kesemua segi yang material adalah dinyatakan secara saksama menurut polisi-polisi perakaunan.

**Perkara-perkara lain**

Laporan ini disediakan hanya kepada anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

| | |
|---|---|
| ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO. | AZHAN BIN ABU BAKAR |
| AF: 0699 | No. Juruaudit : SKM(B)0485 |
| Akauntan-Akauntan Bertauliah | Akauntan Bertauliah |

Tarikh : 0 5 DEC 2023
Kuala Lumpur, Malaysia

## KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
### KUNCI KIRA-KIRA
### PADA 30 JUN 2023

| | | KUMPULAN | | KOPERASI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | 2022 | 2023 | 2022 |
| | Nota | RM | RM | RM | RM |
| **ASET TETAP** | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 5 | 25,942,285 | 23,430,780 | 25,251,781 | 22,706,181 |
| Pelaburan hartanah | 6 | 1,235,384 | 452,596 | 1,235,384 | 452,596 |
| Aset tak ketara | 7 | 25,500 | - | 25,500 | - |
| Pelaburan saham | 8 | 1,172,963 | 1,233,999 | 1,172,963 | 1,233,999 |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari | 9 | - | - | 1,000,000 | 999,000 |
| Pelaburan dalam syarikat bersekutu | 10 | - | - | 285,000 | 285,000 |
| Pelaburan lain | 11 | 2,008,000 | 1,556,000 | 2,008,000 | 1,556,000 |
| Perbelanjaan projek dalam perlaksanaan | 12 | 2,099,167 | 2,058,031 | 2,099,167 | 2,058,031 |
| | | 32,483,299 | 28,731,406 | 33,077,795 | 29,290,807 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Inventori | 13 | 204,041 | 221,928 | 204,041 | 221,928 |
| Penghutang perdagangan | 14 | 49,863,751 | 120,327,400 | 49,946,682 | 120,327,400 |
| Pelbagai penghutang | 15 | 8,039,581 | 6,156,185 | 11,316,912 | 9,427,414 |
| Cagaran dan deposit | 16 | 90,609 | 228,028 | 90,609 | 64,509 |
| Simpanan tetap | 17 | 1,099,730 | 1,099,730 | 1,099,730 | 1,099,730 |
| Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori | 18 | 2,730,130 | 2,730,130 | 2,730,130 | 2,730,130 |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 19 | 39,021,509 | 22,168,238 | 38,916,874 | 21,935,419 |
| Cukai boleh pulih semula | | 729,917 | 1,121,009 | 729,180 | 1,120,099 |
| | | 101,779,268 | 154,052,648 | 105,034,158 | 156,926,629 |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
### KUNCI KIRA-KIRA
### PADA 30 JUN 2023
### (Sambungan)

| | | KUMPULAN | | KOPERASI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | 2022 | 2023 | 2022 |
| | Nota | RM | RM | RM | RM |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| Bank overdraf | 19 | 2,257,625 | 2,374,509 | 2,257,625 | 2,374,509 |
| Pemiutang perdagangan | 20 | 81,922,220 | 124,097,543 | 82,095,456 | 124,090,123 |
| Pelbagai pemiutang | 21 | 10,765,410 | 17,853,745 | 11,207,061 | 18,334,820 |
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | 22 | 86,232 | 58,486 | 86,232 | 58,486 |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | 23 | 43,116 | 29,243 | 43,116 | 29,243 |
| Dividen dicadangkan | 24 | 793,763 | 1,722,939 | 793,763 | 1,722,939 |
| Honorarium Anggota Lembaga | 25 | 164,824 | 162,394 | 164,824 | 162,394 |
| Pemiutang sewa beli | 26 | 410,823 | 410,823 | 410,823 | 410,823 |
| Pinjaman SKM | 27 | 71,186 | 71,186 | 71,186 | 71,186 |
| Pinjaman lain | 28 | 1,767,384 | 1,451,881 | 1,767,384 | 1,451,881 |
| | | 98,282,583 | 148,232,749 | 98,897,470 | 148,706,404 |
| **ASET SEMASA BERSIH** | | 3,496,685 | 5,819,899 | 6,136,688 | 8,220,225 |
| | | 35,979,984 | 34,551,305 | 39,214,483 | 37,511,032 |
| **Dibiayai oleh:** | | | | | |
| Modal syer anggota | 29 | 11,745,053 | 11,635,053 | 11,745,053 | 11,635,053 |
| Akaun modal syer ditebus | 30 | - | - | - | - |
| Akaun rizab modal | 31 | 276,323 | 276,323 | 276,323 | 276,323 |
| Akaun rizab bangunan | 32 | 140,035 | 140,035 | 140,035 | 140,035 |
| Kumpulan wang penebusan syer | 33 | 1,404,568 | 1,325,920 | 1,404,568 | 1,325,920 |
| Lain-lain kumpulan wang | 34 | 73,255 | 73,255 | 73,255 | 73,255 |
| Keuntungan terkumpul | | 155,031 | 955,252 | 3,389,530 | 3,914,979 |
| **KUMPULAN WANG ANGGOTA** | | 13,794,265 | 14,405,838 | 17,028,764 | 17,365,565 |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori | 35 | 6,827,770 | 6,472,538 | 6,827,770 | 6,472,538 |
| Tabung Persaraan Kakitangan | 36 | 1,460,197 | 982,954 | 1,460,197 | 982,954 |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Pemiutang sewabeli | 26 | 1,705,211 | 1,078,632 | 1,705,211 | 1,078,632 |
| Pinjaman SKM | 27 | 518,062 | 585,254 | 518,062 | 585,254 |
| Pinjaman lain | 28 | 11,152,980 | 10,504,590 | 11,152,980 | 10,504,590 |
| Cukai tertunda | 37 | 521,499 | 521,499 | 521,499 | 521,499 |
| JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA | | 13,897,752 | 12,689,975 | 13,897,752 | 12,689,975 |
| | | 35,979,984 | 34,551,305 | 39,214,483 | 37,511,032 |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
### AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
### BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

| | Nota | KUMPULAN 2023 RM | KUMPULAN 2022 RM | KOPERASI 2023 RM | KOPERASI 2022 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Keuntungan bersih tahun semasa | | 2,685,491 | 742,321 | 2,960,263 | 1,572,950 |
| Untung bersih selepas pelarasan operasi | | 2,685,491 | 742,321 | 2,960,263 | 1,572,950 |
| **TOLAK : PEMBAHAGIAN BERKANUN** | | | | | |
| Kumpulan Wang Rizab Statutori, 12% (2022: 8%) | 35 | (355,232) | (125,837) | (355,232) | (125,837) |
| Kumpulan Wang Amanah:- | | | | | |
| Pendidikan Koperasi, 2% (2022: 2%) | 22 | (59,205) | (31,459) | (59,205) | (31,459) |
| Pembangunan Koperasi, 1% (2022: 1%) | 23 | (29,603) | (15,730) | (29,603) | (15,730) |
| | | (444,040) | (173,026) | (444,040) | (173,026) |
| Keuntungan selepas pembahagian berkanun | | 2,241,451 | 569,295 | 2,516,223 | 1,399,924 |
| **TOLAK:** | | | | | |
| Cukai pendapatan | | | | | |
| - tahun semasa | 45 | (216,000) | - | (216,000) | - |
| - terkurang catat pada tahun lepas | 45 | - | (120,621) | - | (120,621) |
| Cukai tertunda | | | | | |
| - tahun semasa | 37 | - | 174,394 | - | 174,394 |
| Zakat perniagaan | | | | | |
| - tahun semasa | | (120,000) | (72,632) | (120,000) | (72,632) |
| - terlebih catat pada tahun lepas | | - | 12,352 | - | 12,352 |
| **TOLAK : LAIN-LAIN PEMBAHAGIAN** | | | | | |
| Dividen atas Modal Syer Anggota dicadangkan 6% (2022: 5%) | 24 | (704,703) | (573,753) | (704,703) | (573,753) |
| Honorarium Anggota Lembaga | 25 | (150,000) | (150,000) | (150,000) | (150,000) |
| Kumpulan Wang Penebusan Syer | 33 | (78,648) | (78,648) | (78,648) | (78,648) |
| Tabung Persaraan Kakitangan | 36 | (500,000) | (78,648) | (500,000) | (78,648) |
| | | (1,769,351) | (887,556) | (1,769,351) | (887,556) |
| Baki keuntungan/(kerugian) selepas pembahagian | | 472,100 | (318,261) | 746,872 | 512,368 |
| **TAMBAH : PELARASAN BUKAN OPERASI** | | | | | |
| Pelarasan bukan operasi | 47 | (1,272,321) | 203,450 | (1,272,321) | 203,450 |
| | | (800,221) | (114,811) | (525,449) | 715,818 |
| Keuntungan terkumpul pada awal tahun | | 955,252 | 1,070,063 | 3,914,979 | 3,199,161 |
| Keuntungan terkumpul pada akhir tahun | | 155,031 | 955,252 | 3,389,530 | 3,914,979 |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD**
**AKAUN UNTUNG RUGI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

| | | KUMPULAN | | KOPERASI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | 2022 | 2023 | 2022 |
| | Nota | RM | RM | RM | RM |
| **PENDAPATAN** | | | | | |
| Aktiviti niaga | 38 | 7,615,985 | 5,699,966 | 7,615,985 | 5,699,966 |
| Aktiviti perladangan - kontrak Felcra Bhd | 38 | 16,673,407 | 5,447,697 | 16,673,407 | 5,447,697 |
| Aktiviti pembinaan | 38 | 62,218,100 | 41,450,724 | 62,218,100 | 41,450,724 |
| Aktiviti mengangkut dan membeli buah sawit | 38 | 550,616,173 | 596,037,199 | 550,616,173 | 596,037,199 |
| Aktiviti tenaga kerja asing | 38 | - | 5,850 | - | 5,850 |
| Aktiviti ladang sawit KPFB | 38 | 606,159 | 908,022 | 606,159 | 908,022 |
| Pendapatan - KPFB Bersepadu Sdn Bhd | | - | 703,120 | - | - |
| | | 637,729,824 | 650,252,578 | 637,729,824 | 649,549,458 |
| **KOS JUALAN** | | | | | |
| Aktiviti niaga | 38 | 6,713,728 | 4,645,499 | 6,713,728 | 4,645,499 |
| Aktiviti perladangan - kontrak Felcra Bhd | 38 | 14,870,637 | 4,691,996 | 14,870,637 | 4,789,721 |
| Aktiviti pembinaan | 38 | 58,788,052 | 40,376,183 | 58,788,052 | 40,376,183 |
| Aktiviti mengangkut dan membeli buah sawit | 38 | 545,269,815 | 591,102,325 | 545,269,815 | 591,102,325 |
| Aktiviti tenaga kerja asing | 38 | 1,500 | - | 1,500 | - |
| Aktiviti ladang sawit KPFB | 38 | 531,229 | 297,957 | 531,229 | 297,957 |
| Kos jualan - KPFB Bersepadu Sdn Bhd | | 5,190 | 927,995 | - | - |
| | | 626,180,151 | 642,041,955 | 626,174,961 | 641,211,685 |
| **Keuntungan daripada aktiviti utama** | | 11,549,673 | 8,210,623 | 11,554,863 | 8,337,773 |
| Lain-lain pendapatan | 39 | 913,185 | 1,108,575 | 913,056 | 1,108,575 |
| **JUMLAH PENDAPATAN** | | 12,462,858 | 9,319,198 | 12,467,919 | 9,446,348 |
| **PERBELANJAAN** | | | | | |
| ***Perbelanjaan pentadbiran*** | | | | | |
| Gaji, elaun dan bonus | | 3,700,767 | 2,594,893 | 3,700,767 | 2,486,607 |
| Kursus, latihan dan seminar | | 38,608 | 17,976 | 38,608 | 17,976 |
| Mesyuarat Agung Tahunan | | 306,170 | 316,230 | 306,170 | 316,230 |
| Belanja mesyuarat | | - | 3,586 | - | 3,586 |
| Pengurusan kakitangan | 40 | 1,085,174 | 1,569,050 | 1,085,174 | 1,569,050 |
| Pengurusan pejabat | 41 | 1,360,409 | 648,370 | 1,359,843 | 648,370 |
| Penyelenggaraan kenderaan | 42 | 408,744 | 306,193 | 407,547 | 306,193 |
| Elaun Anggota Lembaga Koperasi | 43 | 79,450 | 62,600 | 79,450 | 62,600 |
| Tuntutan ahli Lembaga/JKAD | 44 | 692,945 | 620,624 | 692,945 | 620,624 |
| Tuntutan perjalanan dan penginapan kakitangan | | 271,564 | 101,017 | 271,564 | 101,017 |
| Belanja - KPFB Bersepadu Sdn Bhd | | 215,353 | 166,714 | - | - |
| | | 8,159,184 | 6,407,253 | 7,942,068 | 6,132,253 |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD
### AKAUN UNTUNG RUGI
### BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023
### (Sambungan)

| | Nota | KUMPULAN 2023 RM | KUMPULAN 2022 RM | KOPERASI 2023 RM | KOPERASI 2022 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| ***Lain-lain perbelanjaan operasi*** | | | | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | | 858,835 | 586,986 | 824,740 | 553,205 |
| Yuran audit | | 21,500 | 21,500 | 18,000 | 18,000 |
| Yuran cukai | | 43,996 | 1,698 | 43,996 | 500 |
| Yuran jururunding | | - | 128,000 | - | 23,000 |
| Yuran guaman | | 100,153 | 76,930 | 85,153 | 76,930 |
| | | 1,024,484 | 815,114 | 971,889 | 671,635 |
| ***Yuran jualan dan promosi*** | | | | | |
| Promosi dan iklan | | 35,574 | 7,980 | 35,574 | 7,980 |
| ***Perbelanjaan kewangan*** | | | | | |
| Faedah pinjaman/komisen bank | | 496,570 | 694,904 | 496,570 | 694,904 |
| ***Perbelanjaan am*** | | | | | |
| Penghutang projek dihapuskira | | - | 366,624 | - | 366,624 |
| Pembahagian kerugian syarikat bersekutu | | - | 285,000 | - | - |
| Rosotnilai pelaburan saham | | 61,555 | 2 | 61,555 | 2 |
| | | 61,555 | 651,626 | 61,555 | 366,626 |
| **JUMLAH PERBELANJAAN** | | 9,777,367 | 8,576,877 | 9,507,656 | 7,873,398 |
| **Keuntungan bersih dipindahkan ke Akaun Pembahagian Keuntungan** | | 2,685,491 | 742,321 | 2,960,263 | 1,572,950 |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD**
**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

| | | KUMPULAN | | KOPERASI | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | 2022 | 2023 | 2022 |
| | Nota | RM | RM | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | | | |
| **Keuntungan sebelum pembahagian berkanun dan cukai** | | 2,685,491 | 742,321 | 2,960,263 | 1,572,950 |
| **Pelarasan untuk:** | | | | | |
| Dividen pelaburan saham | | (228,559) | (439,827) | (228,559) | (439,827) |
| Faedah atas pinjaman | | 496,570 | 694,904 | 496,570 | 694,904 |
| Faedah atas simpanan tetap | | (51,445) | (242,290) | (51,445) | (242,290) |
| Penghutang projek dihapuskira | | - | 167,777 | - | 167,777 |
| Peruntukan manfaat persaraan | | - | 800,000 | - | 800,000 |
| Rosotnilai atas pelaburan saham tak siarharga | | 61,555 | 2 | 61,555 | 2 |
| Keuntungan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | (186,000) | - | (186,000) | - |
| Susutnilai aset tetap | | 858,835 | 586,986 | 824,740 | 553,205 |
| Pembahagian kerugian syarikat bersekutu | | - | 285,000 | - | - |
| **Keuntungan daripada aktiviti operasi sebelum perubahan modal kerja:** | | 3,636,447 | 2,594,873 | 3,877,124 | 3,106,721 |
| Inventori | | 17,887 | (221,928) | 17,887 | (221,928) |
| Penghutang perdagangan dan pelbagai penghutang | | 67,371,351 | (67,800,351) | 67,117,799 | (68,937,239) |
| Pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang | | (48,938,107) | 97,716,310 | (48,796,875) | 98,129,356 |
| **Tunai dihasilkan dari aktiviti operasi** | | 22,087,578 | 32,288,904 | 22,215,935 | 32,076,910 |
| Pembayaran cukai | | (221,364) | (225,039) | (221,364) | (224,619) |
| Pulangan cukai | | 396,456 | - | 396,283 | - |
| Faedah pinjaman | | (496,570) | (694,904) | (496,570) | (694,904) |
| Pembayaran zakat | | (445,551) | - | (445,551) | - |
| **Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti operasi** | | 21,320,549 | 31,368,961 | 21,448,733 | 31,157,387 |
| **ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN** | | | | | |
| Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | | (31,459) | (22,710) | (31,459) | (22,710) |
| Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi | | (15,730) | (11,356) | (15,730) | (11,356) |
| Honorarium Anggota Lembaga | | (73,570) | (89,749) | (73,570) | (89,749) |
| Tabung Persaraan Kakitangan | | (22,757) | (98,026) | (22,757) | (98,026) |
| **Tunai untuk bayaran berkanun dan agihan** | | (143,516) | (221,841) | (143,516) | (221,841) |
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN** | | | | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | | (3,056,828) | (72,283) | (3,056,828) | (64,615) |
| Terimaan atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | 186,000 | - | 186,000 | - |
| Pembelian aset tak ketara | | (30,000) | - | (30,000) | - |
| Tambahan perbelanjaan projek dalam perlaksanaan | | (41,136) | (361,258) | (41,136) | (361,258) |
| Tambahan pelaburan saham tak siarharga | | (519) | (51,037) | (519) | (51,037) |
| Tambahan pelaburan lain | | (452,000) | (852,000) | (452,000) | (852,000) |
| **Tunai digunakan dalam aktiviti pelaburan** | | (3,394,483) | (1,336,578) | (3,394,483) | (1,328,910) |
| Dividen pelaburan saham diterima | | 228,559 | 439,827 | 228,559 | 439,827 |
| Faedah simpanan tetap diterima | | 51,445 | 242,290 | 51,445 | 242,290 |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan** | | (3,114,479) | (654,461) | (3,114,479) | (646,793) |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD**
**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**
**(Sambungan)**

| | Nota | KUMPULAN 2023 RM | KUMPULAN 2022 RM | KOPERASI 2023 RM | KOPERASI 2022 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Dividen atas modal syer anggota | | (1,633,879) | (22,007) | (1,633,879) | (22,007) |
| Penerimaan modal syer anggota | | 110,000 | 159,999 | 110,000 | 159,999 |
| Bayaran balik pinjaman anggota | | - | 2,922 | - | 2,922 |
| Pembayaran pemiutang sewa beli | | (465,221) | (399,437) | (465,221) | (399,437) |
| Penambahan pinjaman lain | | 2,250,000 | - | 2,250,000 | - |
| Pembayaran pinjaman lain | | (1,286,107) | (627,091) | (1,286,107) | (627,091) |
| Pembayaran pinjaman SKM | | (67,192) | (54,139) | (67,192) | (54,139) |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan** | | (1,092,399) | (939,753) | (1,092,399) | (939,753) |
| **TAMBAHAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TAHUN SEMASA** | | 16,970,155 | 29,552,906 | 17,098,339 | 29,349,000 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN** | | 23,623,589 | (5,929,317) | 23,390,770 | (5,958,230) |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | | 40,593,744 | 23,623,589 | 40,489,109 | 23,390,770 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:** | | | | | |
| Simpanan tetap | 17 | 1,099,730 | 1,099,730 | 1,099,730 | 1,099,730 |
| Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori | 18 | 2,730,130 | 2,730,130 | 2,730,130 | 2,730,130 |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 19 | 39,021,509 | 22,168,238 | 38,916,874 | 21,935,419 |
| Bank overdraf | | (2,257,625) | (2,374,509) | (2,257,625) | (2,374,509) |
| | | 40,593,744 | 23,623,589 | 40,489,109 | 23,390,770 |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## 1 MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Koperasi adalah menjalankan kegiatan perniagaan, pertanian dan binaan, memberi pinjaman kepada anggota, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan saham, pemilikan aset, sewa ruang pejabat dan bangunan, dan mengadakan aktiviti-aktiviti usahasama. Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan utama di dalam tahun kewangan yang dilaporkan.

| 7. Hj. Mohamad Salleh bin Mohamad | 3,750 | 2,550 |
| 8. Hj. Jais bin Samingan | 2,850 | 2,100 |
| 9. Hj. Zakaria bin Mohamad | 2,700 | 750 |
| 10. Hj. Gali @ Nawi bin Som | 4,200 | 1,050 |
| 11. Hj. Rosli bin Mat | 1,200 | - |
| 12. En. Norlion bin Paidi | 1,200 | - |
| 13. Hj. Jebat bin Din | 1,050 | 2,100 |
| 14. Hj. Zainuddin bin Kalam | 2,250 | 1,950 |
| 15. Dr. Hj. Ibrahim bin Hussin | - | 1,200 |
| 16. Hj. Arifin bin Mohd Syaid | - | 1,750 |
| | 79,450 | 62,600 |

## 44 TUNTUTAN AHLI LEMBAGA/JKAD

| | KUMPULAN DAN KOPERASI | |
|---|---|---|
| | 2023 | 2022 |
| Elaun Mesyuarat ALK/Khas/JK | RM | RM |
| Pengerusi | | |
| 1. Dato' Hj. Sabari bin Misran | 4,200 | 3,400 |
| Setiausaha dan Bendahari | | |
| 1. Hj. Che Sakeri bin Ibrahim | 4,400 | 3,400 |
| 2. Hj. Jamalukhair bin Mohd Rashid | 3,600 | 3,200 |
| Ahli Lembaga | | |
| 1. Dato' Rodzuan bin Zaaba | 2,400 | 2,800 |
| 2. Hj. Abu Bakar bin Rose | 4,200 | 3,000 |
| 3. En. Jumat bin Mat Lani | 3,800 | 3,200 |
| 4. En. Hassan bin Sarkon | 4,000 | 3,200 |
| 5. Hj. Ahmad bin Suboh | 3,600 | 2,800 |
| 6. En. Shamsuri bin Ibrahim | 3,400 | 3,200 |
| 7. Hj. Mohamad Salleh bin Mohamad | 3,400 | 3,200 |
| 8. Hj. Jais bin Samingan | 3,200 | 3,200 |
| 9. Hj. Zakaria bin Mohamad | 3,200 | 1,200 |
| 10. Hj. Gali @ Nawi bin Som | 3,200 | 1,200 |
| 11. Hj. Rosli bin Mat | 2,000 | - |
| 12. En. Norlion bin Paidi | 2,000 | - |
| 13. Hj. Jebat bin Din | 600 | 2,800 |
| 14. Hj. Zainuddin bin Kalam | 1,600 | 3,200 |
| 15 Dr. Hj. Ibrahim bin Hussin | - | 1,200 |
| 16 Hj. Arifin bin Mohd Syaid | - | 2,000 |
| | 52,800 | 46,200 |

## 44 TUNTUTAN AHLI LEMBAGA/JKAD (Sambungan)

| | KUMPULAN DAN KOPERASI | |
|---|---|---|
| | **2023** | **2022** |
| Elaun pemantauan | **RM** | **RM** |
| Pengerusi | | |
| 1. Dato' Hj. Sabari bin Misran | 12,000 | 12,000 |
| | | |
| Setiausaha dan Bendahari | | |
| 1. Hj. Che Sakeri bin Ibrahim | 12,000 | 11,400 |
| 2. Hj. Jamalukhair bin Mohd Rashid | 10,000 | 9,600 |
| | | |
| Ahli Lembaga | | |
| 1. Dato' Rodzuan bin Zaaba | 9,600 | 9,600 |
| 2. Hj. Abu Bakar bin Rose | 10,800 | 12,000 |
| 3. En. Jumat bin Mat Lani | 9,600 | 9,600 |
| 4. En. Hassan bin Sarkon | 9,600 | 9,600 |
| 5. Hj. Ahmad bin Suboh | 9,600 | 8,800 |
| 6. En. Shamsuri bin Ibrahim | 9,600 | 9,600 |
| 7. Hj. Mohamad Salleh bin Mohamad | 9,600 | 9,600 |
| 8. Hj. Jais bin Samingan | 9,600 | 9,600 |
| 9. Hj. Zakaria bin Mohamad | 9,600 | 2,400 |
| 10. Hj. Gali @ Nawi bin Som | 9,600 | 2,400 |
| 11. Hj. Rosli bin Mat | 4,800 | - |
| 12. En. Norlion bin Paidi | 4,800 | - |
| 13. Hj. Jebat bin Din | 4,800 | 9,600 |
| 14. Hj. Zainuddin bin Kalam | 4,800 | 9,600 |
| 15 Dr. Hj. Ibrahim bin Hussin | - | 4,800 |
| 16 Hj. Arifin bin Mohd Syaid | - | 7,200 |
| | 150,400 | 147,400 |

## 44 TUNTUTAN AHLI LEMBAGA/JKAD (Sambungan)

| | KUMPULAN DAN KOPERASI | |
|---|---|---|
| | 2023 | 2022 |
| Tuntutan perjalanan dan perbelanjaan kenderaan | RM | RM |
| Pengerusi | | |
| 1. Dato' Hj. Sabari bin Misran | 15,039 | 11,267 |
| | | |
| Setiausaha dan Bendahari | | |
| 1. Hj. Che Sakeri bin Ibrahim | 14,953 | 20,169 |
| 2. Hj. Jamalukhair bin Mohd Rashid | 5,202 | 1,873 |
| | | |
| Ahli Lembaga | | |
| 1. Dato' Rodzuan bin Zaaba | 1,200 | 676 |
| 2. Hj. Abu Bakar bin Rose | 15,631 | 25,867 |
| 3. En. Jumat bin Mat Lani | 2,734 | 2,098 |
| 4. En. Hassan bin Sarkon | 4,007 | 2,014 |
| 5. Hj. Ahmad bin Suboh | 5,630 | 2,123 |
| 6. En. Shamsuri bin Ibrahim | 4,144 | 2,802 |
| 7. Hj. Mohamad Salleh bin Mohamad | 4,554 | 2,099 |
| 8. Hj. Jais bin Samingan | 1,977 | 1,310 |
| 9. Hj. Zakaria bin Mohamad | 4,918 | 1,441 |
| 10. Hj. Gali @ Nawi bin Som | 7,348 | 3,308 |
| 11. Hj. Rosli bin Mat | 1,600 | - |
| 12. En. Norlion bin Paidi | 960 | - |
| 13. Hj. Jebat bin Din | 816 | 1,581 |
| 14. Hj. Zainuddin bin Kalam | 1,324 | 1,401 |
| 15. Dr. Hj. Ibrahim bin Hussin | - | 1,867 |
| 16. Hj. Arifin bin Mohd Syaid | - | 1,371 |
| 17. Hj. Md Said bin Dahlan | - | 1,336 |
| | 92,037 | 84,603 |
| | | |
| JKAD | | |
| 1. Hj. Shaharani bin Mahamud | 11,142 | 10,901 |
| 2. Hj. Mustafa Kamal bin Sulaiman | 13,245 | 8,054 |
| 3. Hj. Mokhtar bin Omar | 13,265 | 8,644 |
| | 37,652 | 27,599 |

## 44 TUNTUTAN AHLI LEMBAGA/JKAD (Sambungan)

| | KUMPULAN DAN KOPERASI | |
|---|---|---|
| | 2023 | 2022 |
| **Hotel** | RM | RM |
| Pengerusi | | |
| 1. Dato' Hj. Sabari bin Misran | 4,319 | 1,419 |
| | | |
| Setiausaha dan Bendahari | | |
| 1. Hj. Che Sakeri bin Ibrahim | 10,235 | 8,990 |
| 2. Hj. Jamalukhair bin Mohd Rashid | 7,095 | 1,579 |
| | | |
| Ahli Lembaga | | |
| 1. Dato' Rodzuan bin Zaaba | 3,039 | 250 |
| 2. Hj. Abu Bakar bin Rose | 4,353 | 3,579 |
| 3. En. Jumat bin Mat Lani | 3,549 | 1,079 |
| 4. En. Hassan bin Sarkon | 2,429 | 788 |
| 5. Hj. Ahmad bin Suboh | 7,842 | 500 |
| 6. En. Shamsuri bin Ibrahim | 2,702 | 1,079 |
| 7. Hj. Mohamad Salleh bin Mohamad | 4,131 | 1,807 |
| 8. Hj. Jais bin Samingan | 2,874 | 917 |
| 9. Hj. Zakaria bin Mohamad | 1,058 | 1,000 |
| 10. Hj. Gali @ Nawi bin Som | 5,278 | 1,000 |
| 11. Hj. Rosli bin Mat | 780 | - |
| 12. En. Norlion bin Paidi | 1,120 | - |
| 13. Hj. Jebat bin Din | 1,179 | 1,554 |
| 14. Hj. Zainuddin bin Kalam | 1,679 | 829 |
| 15 Dr. Hj. Ibrahim bin Hussin | - | 578 |
| 16 Hj. Arifin bin Mohd Syaid | - | 578 |
| | 63,662 | 27,526 |

## 44 TUNTUTAN AHLI LEMBAGA/JKAD (Sambungan)

| | KUMPULAN DAN KOPERASI | |
|---|---|---|
| | 2023 | 2022 |
| Tuntutan pentadbiran | RM | RM |
| Pengerusi | | |
| 1. Dato' Hj. Sabari bin Misran | 21,505 | 20,304 |
| | | |
| Setiausaha dan Bendahari | | |
| 1. Hj. Che Sakeri bin Ibrahim | 28,544 | 26,778 |
| 2. Hj. Jamalukhair bin Mohd Rashid | 25,849 | 23,030 |
| | | |
| Ahli Lembaga | | |
| 1. Dato' Rodzuan bin Zaaba | 31,053 | 26,734 |
| 2. Hj. Abu Bakar bin Rose | 18,635 | 17,830 |
| 3. En. Jumat bin Mat Lani | 18,820 | 19,680 |
| 4. En. Hassan bin Sarkon | 15,988 | 15,221 |
| 5. Hj. Ahmad bin Suboh | 14,462 | 19,600 |
| 6. En. Shamsuri bin Ibrahim | 15,835 | 15,912 |
| 7. Hj. Mohamad Salleh bin Mohamad | 9,155 | 15,221 |
| 8. Hj. Jais bin Samingan | 29,200 | 28,121 |
| 9. Hj. Zakaria bin Mohamad | 12,049 | 1,000 |
| 10. Hj. Gali @ Nawi bin Som | 16,212 | 2,741 |
| 11. Hj. Rosli bin Mat | 12,488 | - |
| 12. En. Norlion bin Paidi | 8,289 | - |
| 13. Hj. Jebat bin Din | 9,155 | 15,221 |
| 14. Hj. Zainuddin bin Kalam | 9,155 | 15,221 |
| 15. Dr. Hj. Ibrahim bin Hussin | - | 8,155 |
| 16 Hj. Arifin bin Mohd Syaid | - | 16,527 |
| | 296,394 | 287,296 |
| | | |
| Jumlah tuntutan Ahli Lembaga/JKAD | 692,945 | 620,624 |

## 45 CUKAI PENDAPATAN DAN ZAKAT

| | Nota | KUMPULAN DAN KOPERASI 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **Cukai Pendapatan** | | | |
| Peruntukan bagi tahun semasa | | 216,000 | - |
| Kurangan peruntukan tahun lepas | | - | 120,621 |
| Cukai tertunda dikenalpasti | 37 | - | (174,394) |
| | | 216,000 | (53,773) |
| **Zakat** | | | |
| Peruntukan bagi tahun semasa | | 120,000 | 72,632 |
| Lebihan peruntukan tahun lepas | | - | (12,351) |
| | | 120,000 | 60,281 |
| | | 336,000 | 6,508 |

Penyamaan perbelanjaan cukai dengan kadar cukai pendapatan berkanun:-

| | KUMPULAN DAN KOPERASI 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|
| Keuntungan sebelum cukai dan zakat | 2,960,263 | 1,572,950 |
| Cukai pada kadar cukai berkanun sebanyak 23% (2022: 23%) | 680,860 | 377,508 |
| Kesan cukai adalah disebabkan oleh: | | |
| Perbelanjaan yang tidak dibenarkan | 150,337 | 531,072 |
| Kesan perbezaan kadar cukai berjadual bagi Koperasi | (31,500) | - |
| Pendapatan yang tidak dikenakan cukai | (42,780) | (147,027) |
| Elaun modal diserap | (35,465) | (259,902) |
| Potongan Seksyen 65A(a)(b), Akta Cukai Pendapatan 1967 | (505,452) | (501,651) |
| Cukai tertunda dikenalpasti | - | (174,394) |
| | 216,000 | (174,394) |
| Kurangan peruntukan tahun lepas | - | 120,621 |
| | 216,000 | (53,773) |

## 46 MAKLUMAT KAKITANGAN

| | KOPERASI | |
|---|---|---|
| | **2023** | **2022** |
| | **RM** | **RM** |
| Kos kakitangan (Ibu pejabat) | 2,998,034 | 2,593,459 |

Bilangan kakitangan Koperasi pada akhir tahun kewangan adalah seramai 53 (2022: 53) orang.

## 47 PELARASAN BUKAN OPERASI

| | | KOPERASI | |
|---|---|---|---|
| | | **2023** | **2022** |
| | **Nota** | **RM** | **RM** |
| Honorarium anggota lembaga terlebih peruntukkan pada tahun-tahun lalu | 25 | 74,000 | 203,450 |
| Belanja mengangkut dan membeli buat sawit terkurang rekod pada tahun-tahun lalu | | (1,346,321) | - |
| | | (1,272,321) | 203,450 |

No. Syarikat: 201801015689 (1277705-V)

**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR**
**30 JUN 2023**

Diluluskan untuk diterbitkan melalui resolusi Anggota Lembaga Pengarah

0 5 DEC 2023

**ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.**
**Akauntan-Akauntan Bertauliah (Malaysia)**

No. Syarikat: 201801015689 (1277705-V)

**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)

**PENYATA KEWANGAN**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

| ISI KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|
| Maklumat Korporat | 1 |
| Laporan Para Pengarah | 2 - 6 |
| Penyata Oleh Para Pengarah | 7 |
| Akuan Berkanun | 7 |
| Laporan Juruaudit Bebas | 8 - 11 |
| Penyata Kedudukan Kewangan | 12 |
| Penyata Pendapatan Komprehensif | 13 |
| Penyata Perubahan Dalam Ekuiti | 14 |
| Penyata Aliran Tunai | 15 |
| Nota-Nota Dan Polisi-Polisi Kepada Penyata Kewangan | 16 - 28 |

**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)

## MAKLUMAT KORPORAT

### ALAMAT BERDAFTAR

No.4, Jalan SG 3/2
Pusat Bandar Seri Gombak
Taman Seri Gombak
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan

### ALAMAT PERNIAGAAN

Wisma KPFB, No.16 & 17, Blok B
Jalan 3/4C, Desa Melawati
53100 Kuala Lumpur

### LEMBAGA PENGARAH

Dato' Haji Sabari Bin Misran
Haji Abu Bakar Bin Rose
Haji Che Sakeri Bin Ibrahim
Hassan Bin Sarkon
Jumat Bin Mat Lani

### SETIAUSAHA SYARIKAT

Mohd Bilal Bin Abdullah (LS0005116)

### JURUAUDIT

Messrs Atarek Kamil Ibrahim & Co (AF: 0699)
30-8 & 30-8-1, Aras 30
Binjai 8 Premium Soho
No. 2, Lorong Binjai
50450 Kuala Lumpur, Malaysia

### BANK UTAMA

Bank Islam Malaysia Berhad

**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)

**LAPORAN PARA PENGARAH – 30 JUN 2023**

Para Pengarah dengan ini menyerahkan laporan mereka dan penyata kewangan diaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023.

## AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti-aktiviti utama Syarikat adalah menjalankan aktiviti pengeluaran makanan haiwan secara bersepadu dan melakukan projek pembangunan untuk operasi sendiri.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

| | 2023<br>RM |
|---|---|
| Kerugian bagi tahun semasa | (274,771) |

## DIVIDEN

Tiada dividen dibayar atau diisytihar sejak akhir tahun kewangan yang lalu. Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen bagi tahun kewangan semasa.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pindahan penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan seperti yang didedahkan dalam penyata kewangan.

## SAHAM DAN DEBENTUR

Tiada terbitan saham dan debentur oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan semasa.

## OPSYEN SAHAM

Tiada saham telah diberikan oleh Syarikat kepada mana-mana pihak sepanjang tahun kewangan untuk menggantikan saham Syarikat yang belum diterbitkan.

Tiada saham diterbitkan sepanjang tahun kewangan menurut kuasa yang dijalankan ke atas sebarang opsyen untuk menggantikan saham Syarikat yang belum diterbitkan. Pada akhir tahun kewangan, tiada saham Syarikat yang belum diterbitkan di bawah opsyen.

**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)

**LAPORAN PARA PENGARAH – 30 JUN 2023**

## PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun dan sepanjang tempoh dari akhir tahun hingga tarikh laporan ini adalah seperti berikut:

Dato' Haji Sabari Bin Misran
Haji Abu Bakar Bin Rose
Haji Che Sakeri Bin Ibrahim
Hassan Bin Sarkon
Jumat Bin Mat Lani

## MANFAAT PARA PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tiada perjanjian yang diwujudkan di mana Syarikat merupakan satu pihak, dengan tujuan atau tujuan-tujuan bagi membolehkan Para Pengarah Syarikat memperolehi manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada pengarah yang menerima atau layak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang disertakan dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau sepatutnya diterima dan boleh diterima oleh Para Pengarah seperti ditunjukkan dalam penyata kewangan atau gaji tetap sebagai kakitangan sepenuh masa Syarikat) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau Syarikat berkaitan dengan Pengarah atau firma di mana Pengarah berkenaan adalah ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

## KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Tiada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang saham dalam Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023.

## GANJARAN PARA PENGARAH

Tiada pengarah atau bekas pengarah Syarikat yang menerima sebarang ganjaran atau manfaat lain daripada Syarikat sepanjang tahun kewangan.

Tiada pembayaran dibuat kepada atau akan dibuat kepada sebarang pihak ketiga untuk perkhidmatan yang diberikan kepada Syarikat oleh Para Pengarah atau bekas pengarah Syarikat sepanjang tahun kewangan.

## INDEMNITI KEPADA PENGARAH, PEGAWAI ATAU JURUAUDIT

Tiada indemniti diberikan atau premium insurans dibayar, sepanjang atau semenjak akhir tahun kewangan, untuk sebarang individu yang merupakan pengarah atau telah menjadi pengarah, pegawai atau juruaudit Syarikat.

## MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan:

(a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya telah diambil berhubung penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan

(b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak mungkin akan direalisasi nilai bukunya dalam urusan perniagaan biasa, telah diturunkan nilainya kepada satu jumlah dijangka akan dapat direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, Para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

(a) yang boleh menyebabkan jumlah penghapusan bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi pada tahap yang ketara; atau

(b) yang boleh menyebabkan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan; atau

(c) yang timbul yang menyebabkan kaedah semasa penilaian aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai; atau

(d) yang tidak diuruskan di dalam laporan ini atau penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang didedahkan di dalam penyata kewangan Syarikat masing-masing mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(a) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti sebarang pihak lain; atau

(b) sebarang liabiliti luar jangka bagi Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.

## MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMBUNGAN)

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah berkuat kuasa, atau berkemungkinan berkuat kuasa, dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat pengarah, akan atau boleh menjejaskan kemampuan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila ia hendaklah dilaksanakan.

Pada pendapat pengarah:

(a) keputusan operasi Syarikat sepanjang tahun kewangan sebahagian besarnya tidak terjejas disebabkan apa-apa butiran, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan

(b) dalam jarak waktu antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tiada butiran, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa berkemungkinan menjejaskan sebahagian besar keputusan operasi Syarikat bagi tahun kewangan yang laporan ini dibuat.

## BADAN INDUK UTAMA

Badan induk utama adalah Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad (KPFB), sebuah Koperasi yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 yang memegang 100% kepentingan dalam ekuiti Syarikat.

## GANJARAN JURUAUDIT

Jumlah bayaran kepada, atau akan diterima oleh juruaudit sebagai ganjaran atas perkhidmatan mereka sebagai juruaudit adalah seperti berikut:

| | **2023**<br>**RM** |
|---|---|
| Audit berkanun | 3,500 |

**JURUAUDIT**

Juruaudit yang bersara, ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO., telah menyatakan persetujuan untuk dilantik semula.

Lembaga Pengarah,

DATO' HAJI SABARI BIN MISRAN

HAJI ABU BAKAR BIN ROSE

Kuala Lumpur
Tarikh: 0 5 DEC 2023

No. Syarikat: 201801015689 (1277705-V)

**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)

**PENYATA OLEH PARA PENGARAH**
**MENURUT SEKSYEN 251 (2) AKTA SYARIKAT, 2016**

Para Pengarah **KPFB Bersepadu Sdn. Bhd.** menyatakan bahawa, pada pendapat mereka, penyata kewangan syarikat yang disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2023 serta keputusan operasi dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Lembaga Pengarah,

DATO' HAJI SABARI BIN MISRAN

HAJI ABU BAKAR BIN ROSE

Kuala Lumpur
Tarikh: 05 DEC 2023

**AKUAN BERKANUN**
**MENURUT SEKSYEN 251 (1) (b) AKTA SYARIKAT, 2016**

Saya, **DATO' HAJI SABARI BIN MISRAN, (I/C NO.:570504106197)**, merupakan pengarah bertanggungjawab sepenuhnya bagi pengurusan kewangan Syarikat yang dinyatakan di atas, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan Syarikat adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya betul, dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu benar dan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diperakui )
oleh penama di atas di Kuala Lumpur dalam )
Wilayah Persekutuan pada 05 DEC 2023 )

DATO' HAJI SABARI BIN MISRAN

Dihadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
No. W 540
Dr. T. YOKHESWAREM
PhD., MBA.
1-1-2022 – 31-12-2024

PESURUHJAYA SUMPAH

Unit A11-1 & 2, Megan Avenue 1,
No. 189, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur

ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.
CHARTERED ACCOUNTANTS (M) (AF 0699)
www.atarek.com.my

Head office :

30-8 & 30-8-1, Level 30,
Binjai 8 Premium Soho,
No. 2, Lorong Binjai,
50450 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tel : 603 - 2181 7906

Offices :

Ipoh
Kota Bharu
Melaka
Kuala Terengganu

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI KPFB BERSEPADU SDN. BHD.

### Laporan Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 30 Jun 2023, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 12 hingga 28.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2023, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia.

### Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dihuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas untuk pendapat kami.

### Kebebasan dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami adalah bebas daripada Syarikat menurut *By-Laws* (*on Professional Ethics, Conduct and Practice*) oleh Institut Akauntan Malaysia ('*By-Laws*') dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Accountants' International Code of Ethics for Professional Accountants (including International Independence Standards) ("IESBA Code")*, dan kami telah melaksanakan lain-lain tanggungjawab etika menurut *By-Laws* dan *IESBA Code*.

### Ketidakpastian material Berkaitan dengan Usaha Berterusan

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2.1 dalam penyata kewangan, yang menunjukkan bahawa Syarikat mengalami kerugian bersih sebanyak RM274,771 sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023 dan, pada tarikh tersebut, liabiliti semasa Syarikat melebihi aset semasa sebanyak RM2,640,003 dan defisit dalam dana pemegang saham sebanyak RM1,949,498. Peristiwa-peristiwa atau keadaan, bersama-sama dengan perkara-perkara lain seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.1, menunjukkan bahawa ketidakpastian material wujud yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.



Member firm of
ASNAF INTERNATIONAL
ASEAN Accounting Firms
www.asnafgroup.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI**
**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**

**Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit ke atasnya**

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab kepada maklumat lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan Para Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Syarikat tidak meliputi Laporan Para Pengarah dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan ke atasnya.

Berhubung dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Para Pengarah dan, melaluinya, mempertimbangkan sama ada Laporan Para Pengarah adalah tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Syarikat atau pengetahuan yang kami perolehi dalam pengauditan atau sebaliknya dilihat sebagai salah nyata ketara.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja yang kami jalankan, kami membuat kesimpulan terdapat salah nyata secara ketara terhadap Laporan Para Pengarah, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

**Tanggungjawab Para Pengarah terhadap Penyata Kewangan**

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan peruntukan Akta Syarikat, 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman yang ditentukan perlu oleh Para Pengarah untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Syarikat, Para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana berkenaan, hal-hal berkaitan usaha berterusan dan menggunapakai asas perakaunan usaha berterusan melainkan Para Pengarah sama ada berniat untuk membubarkan Syarikat atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai pilihan lain yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Syarikat secara keseluruhan adalah bebas dari salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukanlah satu jaminan pengauditan yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan sesuatu salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau secara agregat, boleh dijangka secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI**
**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**

**Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan (Sambungan)**

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.

- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para pengarah.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh Para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Syarikat berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan-pendedahan, dan samaada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dalam keadaan yang mencapai persembahan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Para Pengarah mengenai, antara lain, skop dan jangka masa pengauditan yang dirancang dan penemuan penting audit, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan.

No. Syarikat: 201801015689 (1277705-V)
TMF/W01(062)/K0091/06-23/12(23)-U

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI**
**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**

**Hal-hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli Syarikat, sebagai satu badan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat 2016, di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Atarek Kamil Ibrahim & Co.

ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.
AF: 0699
Akauntan-Akauntan Bertauliah

TUAN MUHAMAD FIRDAUS BIN TUAN OMAR
03559/03/2025 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
Tarikh: 05 DEC 2023

**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 30 JUN 2023**

| | Nota | 2023 RM | 2022 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 4 | 690,505 | 724,599 |
| **Jumlah aset bukan semasa** | | 690,505 | 724,599 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Penghutang perdagangan dan pelbagai penghutang | 5 | 290,803 | 262,744 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 6 | 104,635 | 232,818 |
| Pendahuluan cukai | | 737 | 912 |
| **Jumlah aset semasa** | | 396,175 | 496,474 |
| **JUMLAH ASET** | | 1,086,680 | 1,221,073 |
| **EKUITI** | | | |
| Modal saham | 7 | 1,000,000 | 1,000,000 |
| Kerugian terkumpul | | (2,949,498) | (2,674,727) |
| **Jumlah ekuiti** | | (1,949,498) | (1,674,727) |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang | 8 | 3,036,178 | 2,895,800 |
| **Jumlah liabiliti semasa** | | 3,036,178 | 2,895,800 |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | 1,086,680 | 1,221,073 |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| Hasil | 9 | - | 797,495 |
| Kos jualan | | (5,190) | (927,995) |
| Kerugian kasar | | (5,190) | (130,500) |
| | | | |
| Pendapatan lain | | 129 | 3,350 |
| Belanja pentadbiran | | (269,710) | (418,478) |
| Kerugian sebelum cukai | 10 | (274,771) | (545,628) |
| | | | |
| Cukai | 11 | - | - |
| **Kerugian Bagi Tahun Semasa** | | (274,771) | (545,628) |
| | | | |
| **Pendapatan Komprehensif Lain Selepas Ditolak Cukai** | | - | - |
| **Kerugian Komprehensif Bagi Tahun Kewangan** | | (274,771) | (545,628) |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023**

| | Modal saham<br>RM | Kerugian terkumpul<br>RM | Jumlah ekuiti<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Pada 1 Julai 2023** | **1,000,000** | **(2,129,099)** | **(1,129,099)** |
| Jumlah kerugian komprehensif | - | (545,628) | (545,628) |
| **Baki pada 30 Jun 2022** | **1,000,000** | **(2,674,727)** | **(1,674,727)** |
| Jumlah kerugian komprehensif | - | (274,771) | (274,771) |
| **Baki pada 30 Jun 2023** | **1,000,000** | **(2,949,498)** | **(1,949,498)** |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**KPFB BERSEPADU SDN. BHD.**
(Diperbadankan dan bermastautin di Malaysia)

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2023

| | Nota | 2023<br>RM | 2022<br>RM |
|---|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI** | | | |
| Kerugian sebelum cukai | | (274,771) | (545,628) |
| Pelarasan untuk: | | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | | 34,094 | 33,780 |
| Hapuskira deposit | | 96,000 | - |
| Kerugian operasi sebelum perubahan dalam modal kerja | | (144,677) | (511,848) |
| Penghutang perdagangan dan pelbagai penghutang | | (124,059) | 439,698 |
| Pemiutang perdagangan dan pelbagai pemiutang | | 140,378 | 284,143 |
| Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti operasi | | (128,358) | 211,993 |
| Bayaran cukai | | 175 | (420) |
| Tunai (digunakan dalam)/dijana daripada aktiviti operasi | | (128,183) | 21,573 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | |
| Belian hartanah, loji dan peralatan | | - | (7,668) |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan | | - | (7,668) |
| **(KURANGAN)/LEBIHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI** | | (128,183) | 203,905 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN** | | 232,818 | 28,913 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | 6 | 104,635 | 232,818 |

Lampiran nota-nota merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## 1 MAKLUMAT AM

Syarikat adalah sebuah syarikat persendirian, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Pejabat berdaftar beralamat di No.4, Jalan Sg 3/2, Pusat Bandar Seri Gombak, Taman Seri Gombak 68100 Batu Caves, Selangor.

Tempat perniagaan utama beralamat di Wisma KPFB, No.16 & 17, Blok B, Jalan 3/4C, Desa Melawati, 53100 Kuala Lumpur.

Aktiviti-aktiviti utama Syarikat adalah menjalankan aktiviti pengeluaran makanan haiwan secara bersepadu dan melakukan projek pembangunan untuk operasi sendiri.

Syarikat adalah anak syarikat Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad (KPFB), sebuah Koperasi yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993.

Penyata kewangan Syarikat adalah dalam Ringgit Malaysia.

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Penyata kewangan telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat, 2016.

### 2.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan telah disediakan pada asas kos sejarah, melainkan dinyatakan sebaliknya dan atas dasar berterusan.

Syarikat mengalami kerugian bersih sebanyak RM274,771 sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2023 dan, pada tarikh tersebut, liabiliti semasa Syarikat melebihi aset semasa sebanyak RM2,640,003 dan defisit dalam dana pemegang saham sebanyak RM1,949,498. Memandangkan jangkaan aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti sedia ada Syarikat mungkin tidak mencukupi untuk memenuhi kewajipan Syarikat apabila tiba masanya, kesesuaian penyediaan penyata kewangan Syarikat dalam asas usaha berterusan adalah bergantung kepada kemampuan Syarikat untuk menghasilkan keuntungan dan memperolehi aliran tunai yang positif pada masa akan datang serta bantuan kewangan daripada badan induk.

Selaras dengan itu, penyata kewangan Syarikat telah disediakan dalam asas usaha berterusan dan tidak termasuk pelarasan-pelarasan berkaitan pemulihan dan pengkelasan jumlah aset yang direkod serta klasifikasi liabiliti yang mungkin diperlukan sekiranya asas usaha berterusan dalam penyediaan penyata kewangan Syarikat didapati tidak bersesuaian.

Dasar perakaunan penting yang diguna pakai dinyatakan seperti di bawah.

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

### 2.2 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Syarikat dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item hartanah, loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul.

Pelunasan bagi tanah pajakan diperuntukkan sepanjang tempoh pajakan selama 99 tahun.

Aset tetap akan dinyatakan pada nilai pulih semula sekiranya nilai pulih semula kurang dari nilai dibawa. Nilai pulih semula adalah lebih tinggi di antara nilai bersih direalisasi dan nilai penggunaannya.

Pada asset-aset lain, susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskira amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Komputer | 10 tahun |
| Laman web | 10 tahun |
| Mesin | 10 tahun |
| Peralatan pejabat dan kilang | 10 tahun |
| Ubah suai kilang | 10 tahun |

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Amaun bawaan bagi item hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

### 2.3 ROSOTNILAI ASET SELAIN DARIPADA ASET KEWANGAN

Pada setiap tarikh pelaporan, Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai. Jika mana-mana petanda sedemikan wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Syarikat akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penjanaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

### 2.3 ROSOTNILAI ASET SELAIN DARIPADA ASET KEWANGAN (Sambungan)

Amaun boleh pulih aset dan unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosotnilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai bagi unit penjanaan tunai adalah diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit penjanaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit pro-rata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai. Kerugian rosotnilai aset diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai pengurangan penilaian semula.

Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, nilai dalam penggunaan aset atau unit penjanaan tunai, dan sifar.

Kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosotnilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai peningkatan penilaian semula.

### 2.4 ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

#### i) Aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

### 2.4 ASET KEWANGAN (Sambungan)

**i) Aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan (Sambungan)**

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukkan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

**ii) Rosotnilai kewangan**

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit, atau obligor
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Syarikat akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

### 2.4 ASET KEWANGAN (Sambungan)

**ii) Rosotnilai kewangan (Sambungan)**

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

### 2.5 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan, selepas ditolak overdraf bank.

### 2.6 LIABILITI DAN EKUITI

**i) Pengkelasan liabiliti dan ekuiti**

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti adalah dikelaskan selaras dengan ciri-ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang-undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

**ii) Instrumen ekuiti**

Syarikat mengambilkira kos urusniaga bagi ekuiti sebagai penolakan daripada ekuiti. Cukai pendapatan berkaitan dengan kos urusniaga adalah diambilkira selaras dengan Seksyen 29 MPERS.

Pengagihan kepada pemilik ditolak daripada ekuiti. Cukai pendapatan yang berkaitan adalah diambilkira selaras dengan Seksyen 29 MPERS.

**iii) Liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi Syarikat kepada pengaturan.

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (Sambungan)

### 2.6 LIABILITI DAN EKUITI (Sambungan)

#### iii) Liabiliti kewangan (Sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

#### iv) Liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan

